




DEWAN NEGERI JOHOR

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan
Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi

Negeri Johor

Tahun 2011




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan
Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi

NEGERI JOHOR


Tahun 2011



Kandungan

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xiii
BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011	
Pendahuluan	3
Objektif Dan Metodologi Pengauditan	4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011	4
BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Latar Belakang	7
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	7
Kumpulan Wang Disatukan	7
Wang Awam	8
Akaun Hasil Disatukan	11
Akaun Pinjaman Disatukan	21
Akaun Amanah Disatukan	22
Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	31
Penyata Prestasi Kewangan	32
Akaun Memorandum	33
Rumusan Dan Syor Audit	41
BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI	
Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-10	45
Rumusan	48
BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	51
Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Negeri	51
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti (AI)	52
Objektif Pengauditan	53
Skop Dan Metodologi Pengauditan	53

PERKARA	MUKA SURAT
Kawalan Utama	54
Penemuan Audit	64
Pemeriksaan Audit Mengejut	71
Penemuan Audit	71
Syor Audit	75
 BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	79
Pengauditan Penyata Kewangan	79
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	80
Pengesahan Penyata Kewangan	81
Pembentangan Penyata Kewangan	83
Prestasi Kewangan	84
Rumusan Dan Syor Audit	87
 BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI	
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	91
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri	91
PENUTUP	97
 LAMPIRAN	
I Sijil Ketua Audit Negara	101
II Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Bendahari Negeri Johor	102
III Penyata Kedudukan Kewangan	103
IV Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	104
V Penyata Prestasi Kewangan	106
VI Penyata Akaun Memorandum	107
VII Nota Kepada Penyata Kewangan	108



Kata Pendahuluan

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen, manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor memperkenankan untuk dibentangkan di Dewan Negeri Johor. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 kaedah pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan - Pengauditan ini bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam.

1.2. Pengauditan Pengurusan Kewangan - Pengauditan ini bertujuan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan. Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti (AI) pada tahun 2007 dan tahun 2011 adalah tahun kelima pelaksanaannya. AI diwujudkan bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengauditan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi mengukur dan menambah baik kawalan pengurusan kewangan yang cemerlang. AI diberi penarafan berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset dan stor, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan AI ini, ia boleh membantu mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik. Selain itu, budaya "**membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul**" bukan sahaja dapat mempertingkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi malah aspek integriti, keutuhan dan akauntabiliti yang ditekankan oleh Kerajaan akan dapat dicapai.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Johor Tahun 2011 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2011. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2011, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri.

3. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Johor Tahun 2011 mengandungi perkara berikut:

- Bahagian I** - Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011
- Bahagian II** - Analisis Kewangan Kerajaan Negeri
- Bahagian III** - Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri
- Bahagian IV** - Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri
- Bahagian V** - Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri
- Bahagian VI** - Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat.

5. Pada pendapat saya, pencapaian kewangan Kerajaan Negeri dan tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri Johor boleh ditingkatkan lagi dengan memberi tumpuan terhadap peningkatan hasil dengan mengenal pasti sumber-sumber baru dan mengurangkan tunggakan hasil sebagai langkah berterusan mengurangkan defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan dan Kumpulan Wang Pembangunan yang agak tinggi. Selain itu saya juga ingin menggesa Kerajaan Negeri supaya memantapkan Pengurusan Kewangan di peringkat Jabatan dan Agensi khususnya dalam aspek pengurusan aset dan inventori sebagai persediaan awal ke arah dasar Kerajaan Persekutuan melaksanakan **Perakaunan Terakru** bermula tahun 2015. Pelaksanaan dasar Perakaunan Terakru ini menghendaki nilai semua aset kerajaan sama ada aset alih, tak alih dan aset hidup ditunjukkan sepenuhnya dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Johor yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.




(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia.

Putrajaya

8 Jun 2012



Intisari Laporan

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2011. Semua butiran dalam Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum telah disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor pada akhir tahun 2011 adalah pada tahap memuaskan. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri menurun sejumlah RM55.31 juta atau 10.9% kepada RM450.50 juta berbanding RM505.81 juta pada tahun 2010. Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri mendapat surplus sejumlah RM6.40 juta dan dengan itu kedudukan defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan pada 31 Disember 2011 telah berkurangan menjadi defisit RM319.29 juta berbanding baki defisit berjumlah RM325.69 juta pada tahun 2010. Hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2011 telah menurun sejumlah RM181.40 juta atau 17.7% berbanding tahun 2010 iaitu daripada sejumlah RM1,023.17 juta menjadi RM841.77 juta. Perbelanjaan mengurus juga telah menurun sejumlah RM29.44 juta atau 3.4% menjadi RM835.37 juta pada tahun 2011 berbanding RM864.81 juta pada tahun 2010. Kerajaan Negeri perlu mengekalkan perbelanjaan secara berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri serta berusaha menambahkan sumber pendapatan. Selain itu, tindakan mengutip tunggakan hasil perlu diteruskan walaupun jumlah tunggakan hasil pada tahun 2011 berjumlah RM160.80 juta telah menurun sejumlah RM15.09 juta atau 8.6% berbanding RM175.90 juta pada tahun 2010.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Pencapaian perbelanjaan RMKe-10 yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri sehingga akhir tahun 2011 adalah baik di mana sejumlah RM255.20 juta atau 70.0% daripada RM364.56 juta yang diperuntukkan kepada 13 Jabatan Negeri telah dibelanjakan. Prestasi projek secara fizikal juga adalah baik iaitu daripada 9,790 projek yang dirancang sebanyak 9,593 projek atau 98.0% telah siap dilaksanakan bagi tahun 2011, sebanyak 185 atau 1.9% projek sedang dalam pelaksanaan dan 12 atau 0.1% projek belum mula.

BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI


4. Pencapaian pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri Johor pada tahun 2011 secara keseluruhannya adalah baik. Pengauditan yang telah dijalankan pada tahun 2011 mendapati pencapaian pengurusan kewangan di 5 Jabatan/Agensi Negeri adalah sangat baik, 19 Jabatan/Agensi Negeri adalah pada tahap baik dan 2 Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap memuaskan. Ini menunjukkan pencapaian pengurusan kewangan pada tahap sangat baik telah meningkat di mana 5 Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit adalah pada tahap sangat baik berbanding 2 Jabatan/Agensi pada tahun 2010. Pencapaian pengurusan kewangan di tahap baik tidak berubah di mana 19 Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit adalah pada tahap baik sebagaimana tahun sebelumnya. Jabatan/Agensi Negeri boleh mempertingkatkan pengurusan kewangan ke tahap yang lebih baik sekiranya langkah-langkah penambahbaikan dijalankan secara berterusan melalui penglibatan pegawai pengawal/ketua jabatan secara langsung dengan mengambil tindakan ke atas kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan serta memastikan kelemahan yang sama tidak berulang.

BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

5. Penyerahan penyata kewangan bagi tahun 2011 Agensi Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah baik di mana 26 atau 89.7% daripada 29 Agensi Negeri telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2011 sehingga 7 Jun 2012. Ketua Audit Negara telah mengesahkan sebanyak 28 penyata kewangan tahun 2010 iaitu 12 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, satu penyata kewangan Majlis Agama Islam dan 15 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan sehingga 7 Jun 2012. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak 25 akaun telah diberi Sijil Tanpa Teguran dan 3 Sijil Berteguran berbanding 23 akaun diberikan Sijil Tanpa teguran dan 5 Sijil Berteguran semasa pengesahan penyata kewangan tahun 2009. Kepentingan pembentangan penyata kewangan yang telah disahkan di Dewan Negeri sebagaimana kehendak undang-undang telah diambil perhatian oleh pihak Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri. Sehingga 7 Jun 2012, hanya satu penyata kewangan melibatkan satu Agensi Negeri yang telah disahkan masih belum dibentangkan di Dewan Negeri. Bagi prestasi kewangan Agensi Negeri, sebanyak 7 Agensi Negeri yang mengalami defisit dan 3 Agensi Negeri mengalami kekurangan aset semasa bersih perlu mempertingkatkan prestasi kewangannya supaya pendapatan yang diperoleh dapat menampung perbelanjaan mengurus dan menanggung liabiliti semasa. Selain itu, tunggakan cukai taksiran telah menunjukkan peningkatan sebanyak 3.9% iaitu daripada RM192.26 juta pada tahun 2009 kepada RM199.70 juta pada tahun 2010. Oleh itu, Pihak Berkuasa Tempatan perlu meneruskan usaha untuk memastikan tunggakan cukai taksiran dapat dikurangkan dengan mengambil tindakan lebih tegas terhadap mereka yang gagal membayar cukai taksiran dalam tempoh masa yang ditetapkan.

BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI

6. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Johor Tahun 2010 telah dibentangkan di Dewan Negeri pada 8 Disember 2011. Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri telah bermesyuarat sebanyak 6 kali sepanjang tahun 2011 dan sehingga 7 Jun 2012 bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 dan 2009 berkaitan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan dan Agensi Negeri.



Bahagian I

Pengesahan Penyata Kewangan
Kerajaan Negeri Johor
Bagi Tahun Berakhir
31 Disember 2011

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011 kepada Jabatan Audit Negara pada **23 Februari 2012**. Penyata tersebut melaporkan semua urusan kewangan asas tunai bagi tahun 2011 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Mulai tahun kewangan 2011, Kerajaan Negeri telah mengguna pakai Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (Disemak - 2010) Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan menggantikan Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (2004) selaras dengan kehendak piawaian perakaunan berasaskan *International Public Sector Accounting Standards (IPSAS) – Financial Reporting Under The Cash Basis Basis of Accounting*.

1.4. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.5. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan bayaran bagi tahun 2011. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.6. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.7. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Akaun Belum Terima. Liabiliti Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2011. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri Johor dan Jabatan Negeri melalui pemerhatian Audit sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957, dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada Pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011 yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.



Bahagian II

Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

4. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011, juga membuat analisis terhadap maklumat kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Johor. Analisis merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan Negeri. Analisis yang dibuat adalah berdasarkan Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Akaun Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan, Penyata Akaun Memorandum Aset, Penyata Akaun Memorandum Liabiliti dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

4.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.2.1. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2011 adalah berjumlah RM450.50 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM104.33 juta dan pelaburan berjumlah RM346.17 juta. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2011 berbanding tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Pada Tahun 2011 Berbanding 2010

Bil.	Butiran	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	-325.69	-319.29	6.40	2.0
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	831.50	769.79	-61.71	-7.4
	a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	146.09	75.54	-70.55	-48.3
	(i) Kumpulan Wang Pembangunan	-96.24	-171.84	-75.60	-78.6
	(ii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	242.33	247.38	5.05	2.1
	b) Kumpulan Wang Amanah Awam	461.13	508.45	47.32	10.3
	c) Akaun Wang Deposit	224.28	185.80	-38.48	-17.2
	Jumlah	505.81	450.50	-55.31	-10.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.2.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2007 Hingga 2011

Bil.	Butiran	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	-335.02	-405.37	-484.05	-325.69	-319.29
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	5.15	6.47	0.00	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	590.43	600.43	715.44	831.50	769.79
	a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	168.78	142.91	198.78	146.09	75.54
	i) Kumpulan Wang Pembangunan	0.57	-0.01	0.00	-96.24	-171.84
	ii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	168.21	142.92	198.78	242.33	247.38
	b) Kumpulan Wang Amanah Awam	187.33	237.72	327.81	461.13	508.45
	c) Akaun Wang Deposit	234.32	219.80	188.85	224.28	185.80
	Jumlah	260.56	201.53	231.39	505.81	450.50

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.2.3. Analisis Audit mendapati kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah menurun sejumlah RM55.31 juta atau 10.9% pada tahun 2011 iaitu daripada RM505.81 juta pada tahun 2010 menjadi RM450.50 juta. Penurunan ini disebabkan oleh penurunan baki Akaun Amanah Disatukan sejumlah RM61.71 juta atau 7.4% iaitu daripada RM831.50 juta pada tahun 2010 menjadi RM769.79 juta pada tahun 2011. Ini disebabkan penurunan baki Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak 78.6% pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Selain itu, penurunan baki Akaun Wang Deposit daripada RM224.28 juta pada tahun 2010 kepada RM185.80 juta pada tahun 2011 turut menyebabkan penurunan baki Kumpulan Wang Disatukan. Kerajaan Negeri pernah mencatatkan peningkatan ketara baki Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2010 yang merupakan jumlah tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

4.3. WANG AWAM

4.3.1. WANG TUNAI

4.3.1.1. Wang tunai merupakan aset yang terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki akaun lain yang dikhaskan untuk tujuan tertentu dan Wang Tunai Dalam Perjalanan ialah wang tunai yang belum dibankkan serta wang tunai yang belum diambil kira dalam buku tunai. Wang Dalam Tangan pula terdiri daripada Panjar Wang Runcit.

4.3.1.2. Analisis perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2010 dan 2011 menunjukkan peningkatan amat ketara berjumlah RM65.69 juta atau 170% menjadi

RM104.33 juta pada tahun 2011 berbanding RM38.64 juta pada tahun 2010. Peningkatan tunai ini adalah disebabkan baki Wang Tunai Dalam Bank meningkat sejumlah RM67.31 juta atau 249.3% pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2011 berbanding 2010 adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Baki Wang Tunai Pada Tahun 2011 Berbanding 2010

Bil.	Butiran	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	27.00	94.31	67.31	249.3
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	9.58	8.24	-1.34	-14.0
3.	Panjar Wang Runcit	2.06	1.78	-0.28	-13.6
Jumlah		38.64	104.33	65.69	170.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3.1.3. Baki wang tunai bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.4** dan **Carta 4.1**.

Jadual 4.4
Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2007 Hingga 2011

Bil.	Butiran	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	97.04	31.84	28.37	27.00	94.31
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	1.32	2.50	9.80	9.58	8.24
3.	Panjar Wang Runcit	2.05	2.03	2.06	2.06	1.78
Jumlah		100.41	36.37	40.23	38.64	104.33

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3.1.4. Pada tahun 2011, urus niaga tertunggak melebihi 3 bulan hingga 9 tahun berjumlah RM35.56 juta tidak dapat dipadankan dengan bank. Jumlah tersebut menurun sejumlah RM2.89 juta atau 7.5% berbanding tahun 2010 yang berjumlah RM38.45 juta. Sehingga bulan Februari 2012, jumlah urus niaga yang tertunggak masih tiada perubahan. Tindakan penyesuaian atau pelarasan akan dibuat mulai bulan Mei 2012.

4.3.2. PELABURAN

4.3.2.1. Mengikut Seksyen 8, Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan Negeri dibenarkan melabur dalam deposit di bank dan pelaburan lain. Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah pelaburan yang dibuat daripada Arahan Amanah selaras dengan Seksyen 9 dan Kumpulan Wang Amanah selaras dengan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957, serta peraturan yang dikuatkuasakan. Pelaburan Am pula adalah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Hasil Disatukan dan pelaburan lain daripada Kumpulan Wang Amanah.

4.3.2.2. Pada akhir tahun 2011, pelaburan Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM346.17 juta berbanding tahun 2010 yang berjumlah RM467.17 juta. Sejumlah RM346 juta daripada RM346.17 juta merupakan simpanan tetap dan simpanan berkala yang dinyatakan sebagai Pelaburan Am. Analisis perbandingan kedudukan pelaburan bagi tahun 2010 dan 2011 menunjukkan penurunan sejumlah RM121 juta atau 25.9% pada tahun 2011. Faktor utama penurunan ialah sebanyak 73.8% sijil tahun 2010 bernilai RM345 juta yang tempoh matangnya satu hingga 3 bulan telah matang dan ditebus pada tahun 2011. Penebusan tersebut digunakan untuk menampung perbelanjaan sehingga akhir tahun. Ia juga memberi kesan kepada peningkatan jumlah wang tunai dalam bank melebihi 100% iaitu peningkatan sejumlah RM67.31 juta. Analisis perbandingan kedudukan pelaburan bagi tahun 2011 berbanding 2010 adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Pelaburan Pada Tahun 2011 Berbanding 2010

Bil.	Butiran	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pelaburan Am	467.00	346.00	-121.00	-25.9
2.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	0.17	0.17	-	-
Jumlah		467.17	346.17	-121.00	-25.9


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3.2.3. Analisis perbandingan baki pelaburan bagi tahun 2007 hingga 2010 menunjukkan prestasi pelaburan yang meningkat antara 3.1% hingga 144.4% pada tahun 2007 hingga 2010. Namun, terdapat penurunan sebanyak RM121 juta atau 25.9% pada tahun semasa 2011 berbanding 2010. Baki pelaburan bagi tahun 2007 hingga 2011 seperti di **Jadual 4.6** dan **Carta 4.2**. Baki pelaburan pada tahun 2010 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun kebelakangan.

Jadual 4.6
Pelaburan Bagi Tahun 2007 Hingga 2011

Bil.	Butiran	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Pelaburan Am	160.00	165.00	191.00	467.00	346.00
2.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	0.15	0.16	0.16	0.17	0.17
Jumlah		160.15	165.16	191.16	467.17	346.17

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3.2.4. Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 menghendaki semua Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh 3 bulan atau lebih diklasifikasikan sebagai pelaburan, manakala deposit kurang daripada 3 bulan diklasifikasikan sebagai Wang Tunai Dalam Bank. Sehingga akhir tahun 2012, Kerajaan Negeri Johor masih belum mematuhi kehendak ini di mana sejumlah RM200 juta daripada RM346.17 juta atau 57.8% adalah simpanan tetap yang tempoh matangnya satu hingga 3 bulan.

4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua urusan penerimaan hasil dan perbelanjaan mengurus kerajaan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan serta Seksyen 7 (a), Akta Tatacara Kewangan 1957. Kerajaan Negeri Johor telah mengakhiri tahun kewangan 2011 dengan surplus berjumlah RM6.40 juta berbanding surplus tahun 2010 yang berjumlah RM158.36 juta. Pengurangan surplus pada tahun 2011 disebabkan oleh kutipan hasil menurun sejumlah RM181.40 juta atau 17.7% menjadi RM841.77 juta berbanding hasil tahun 2010 yang berjumlah RM1,023.17 juta. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Johor menurun pada tahun 2011 sejumlah RM29.44 juta atau 3.4% menjadi RM835.37 juta berbanding RM864.81 juta pada tahun

2010. Jumlah perbelanjaan mengurus tahun 2011 yang menurun memberi kesan kepada pengurangan defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan tahun 2011 sebanyak 2.0% iaitu daripada defisit berjumlah RM325.69 juta pada tahun 2010 kepada RM319.29 juta pada tahun 2011.

4.4.1. Hasil

4.4.1.1. Kerajaan Negeri Johor memungut 3 jenis hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2011, kutipan hasil sebenar adalah melebihi anggaran sejumlah RM28.17 juta berbanding anggaran yang diluluskan berjumlah RM813.60 juta iaitu pencapaian sebanyak 103.5%. Pencapaian kutipan bagi setiap kategori hasil pada tahun 2011 sangat baik di mana kutipan sebenar Hasil Cukai dan Terimaan Bukan Hasil berbanding anggaran adalah antara 92.8% dan 93.2%, manakala kutipan Hasil Bukan Cukai melebihi anggaran yang diluluskan sebanyak 117.3%. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran Yang Diluluskan Pada Tahun 2011

Bil.	Kategori Hasil	Anggaran Diluluskan (RM Juta)	Hasil Sebenar (RM Juta)	Lebih/ Pengurangan	Pencapaian (%)
				(RM Juta)	
1.	Hasil Cukai	316.88	294.22	-22.66	92.8
2.	Hasil Bukan Cukai	350.98	411.66	60.68	117.3
3.	Terimaan Bukan Hasil	145.74	135.89	-9.85	93.2
Jumlah		813.60	841.77	28.17	103.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.1.2. Pada keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri Johor pada tahun 2011 berjumlah RM841.77 juta menurun sejumlah RM181.40 juta atau 17.7% berbanding tahun 2010 yang berjumlah RM1,023.17 juta. Penurunan ini adalah disebabkan oleh kutipan Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil menurun dengan ketara antara RM90.99 juta dan RM114.71 juta atau 21.8% dan 40.1% pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Jumlah pungutan hasil mengikut kategori bagi tahun 2011 berbanding 2010 adalah seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8
Pungutan Hasil Pada Tahun 2011 Berbanding 2010

Bil.	Kategori Hasil	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	269.92	294.22	24.30	9.0
2.	Hasil Bukan Cukai	526.37	411.66	-114.71	-21.8
3.	Terimaan Bukan Hasil	226.88	135.89	-90.99	-40.1
Jumlah		1,023.17	841.77	-181.40	-17.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.1.3. Analisis Audit mendapati 73 butiran hasil mengalami peningkatan berjumlah RM629.57 juta dan 53 butiran hasil mengalami penurunan berjumlah RM212.20 juta.

- a. Lima butiran hasil yang mengalami peningkatan ketara pada tahun 2011 berbanding 2010 adalah seperti di **Jadual 4.9**.

Jadual 4.9
Peningkatan Yang Ketara Pungutan Hasil Pada Tahun 2011 Berbanding 2010

Bil.	Butiran Hasil	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	Peningkatan		Punca Peningkatan
				(RM Juta)	(%)	
1.	Cukai Tanah Berulang	229.36	260.61	31.25	13.6	Pertambahan hak milik dan keberkesanan usaha pentadbiran tanah daerah di Negeri Johor bagi memastikan pemilik tanah membayar cukai tanah melalui kemudahan pembayaran <i>on-line</i> dan kad kredit.
2.	Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian 1	-	16.40	16.40	100.0	Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian 1 daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2011 berikutan daripada kutipan hasil yang meningkat dengan ketaranya bagi Kerajaan Negeri yang berjumlah RM1,023.17 juta pada tahun 2010.
3.	Permit Galian Dan Bahan Batu	55.02	70.39	15.37	27.9	Peningkatan permohonan permit daripada syarikat swasta bagi projek pembinaan lebuh raya, taman perumahan dan kawasan perindustrian dalam Wilayah Iskandar Malaysia.
4.	Faedah Dan Hasil Dari Wang Simpanan Tetap Dalam Bank	7.59	22.74	15.15	199.6	Pertambahan jumlah faedah Simpanan Tetap pada tahun 2011 yang disebabkan kadar dividen keuntungan oleh institusi-institusi kewangan lebih tinggi pada tahun 2011 iaitu 3.10% berbanding 2.85% pada tahun 2010.
5.	Bayaran Perkhidmatan - Tanah	82.70	96.35	13.65	16.5	Peningkatan bilangan permohonan tanah pada tahun 2011 terutamanya projek di Wilayah Iskandar Malaysia.
Jumlah		374.67	466.49	91.82	24.5	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- b. Lima butiran hasil yang lain mengalami penurunan ketara pada tahun 2011 berbanding 2010 adalah seperti di **Jadual 4.10**.

Jadual 4.10
Penurunan Yang Ketara Pungutan Hasil Pada Tahun 2011 Berbanding 2010

Bil.	Butiran Hasil	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	Penurunan		Punca Penurunan
				(RM Juta)	(%)	
1.	Premium Geran/Premium Tambahan SBKS DII	280.86	119.24	161.62	57.5	Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri menerima bayaran penyelesaian Tunggakan Notis 5A sejumlah RM151 juta bagi tanah milik Kementerian atau Jabatan Pengguna (KJP) Kerajaan Persekutuan di Negeri Johor. Tiada terimaan seumpama itu pada tahun 2011.
2.	Bayaran Perkhidmatan Atas Projek Persekutuan Yang Dijalankan Oleh Kerajaan Negeri	56.46	0.00	56.46	100.0	Tiada peruntukan diterima daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2011.
3.	Pelbagai Pemberian Dan Caruman	28.30	0.00	28.30	100.0	Tiada peruntukan diterima daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2011.
4.	Pemberian Geran Untuk Membiayai Ansuran Bayaran Balik Pinjaman Bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar	27.93	0.00	27.93	100.0	Tiada peruntukan untuk Pemberian Geran Untuk Membiayai Ansuran Bayaran Balik Pinjaman Bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar pada tahun 2011.
5.	Pemindahan Atas Perbelanjaan Penyelenggaraan Jalan Negeri	19.07	0.00	19.07	100.00	Mulai tahun 2011, tiada lagi pembahagian peruntukan bagi aktiviti jalan dan jambatan dan telah disatukan di bawah aktiviti 100100 (Belanja Mengurus).
Jumlah		412.62	119.24	293.38	71.1	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.1.4. Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Trend kutipan hasil bagi tahun 2007 hingga 2011 menunjukkan kutipan hasil tahun 2010 adalah tertinggi bagi tempoh 5 tahun kebelakangan seperti di **Jadual 4.11** dan **Carta 4.3**.

Jadual 4.11**Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2007 Hingga 2011**

Bil.	Kategori Hasil	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	226.26	226.58	235.00	269.92	294.22
2.	Hasil Bukan Cukai	305.45	353.63	277.12	526.37	411.66
3.	Terimaan Bukan Hasil	247.89	232.15	238.30	226.88	135.89
Jumlah		779.60	812.36	750.42	1,023.17	841.77

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.1.5. Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri Johor ialah Cukai Tanah Berulang, Premium Geran Tanah, Bayaran Perkhidmatan Kepada Pejabat Tanah, Permit Galian Dan Bahan Batu serta Faedah Dan Hasil Wang Simpanan Tetap Dalam Bank. Butiran hasil ini telah menyumbang sejumlah RM569.34 juta atau 67.6% daripada hasil tahun 2011 yang berjumlah RM841.77 juta. Butiran terperinci 5 penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.12**.

Jadual 4.12**Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2007 Hingga 2011**

Bil.	Butiran Hasil	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Cukai Tanah Berulang	209.92	209.92	219.14	229.37	260.61
2.	Premium Geran Tanah	133.19	134.04	67.23	280.86	119.24
3.	Bayaran Perkhidmatan Kepada Pejabat Tanah	64.07	76.97	69.34	82.71	96.36
4.	Permit Galian Dan Bahan Batu	34.06	42.85	48.58	50.02	70.39
5.	Faedah Dan Hasil Wang Simpanan Tetap Dalam Bank	6.30	5.89	3.42	7.59	22.74
Jumlah		447.54	469.67	407.71	650.55	569.34

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.2. Perbelanjaan Mengurus

4.4.2.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada bayaran Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan, Aset, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Peruntukan asal yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus tahun 2011 berjumlah RM811.35 juta. Peruntukan ini telah ditambah sejumlah RM58.02 juta menjadi RM869.37 juta selepas semakan semula. Peruntukan perbelanjaan mengurus tahun 2011 telah menurun sejumlah RM32.79 juta atau 3.6% berbanding peruntukan tahun 2010 berjumlah RM902.16 juta. Sejumlah RM835.37 juta atau 96.1% telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan yang diluluskan pada tahun 2011. Pada keseluruhannya, perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Johor telah menurun sejumlah RM29.44 juta atau 3.4% iaitu daripada RM864.81 juta pada tahun 2010 menjadi RM835.37 juta pada tahun 2011. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2011 berbanding 2010 mengikut maksud perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 4.13**.

Jadual 4.13

Perbelanjaan Mengurus Pada Tahun 2011 Berbanding 2010

Bil.	Maksud Perbelanjaan	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	320.50	336.30	15.80	4.9
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	222.16	220.01	-2.15	-1.0
3.	Aset	13.04	10.75	-2.29	-17.6
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	300.99	266.19	-34.80	-11.6
5.	Perbelanjaan Lain	8.12	2.12	-6.00	-73.9
Jumlah		864.81	835.37	-29.44	-3.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.2.2. Semakan Audit mendapati 5 butiran perbelanjaan mengurus mencatatkan peningkatan yang ketara antara RM1.36 juta hingga RM6.82 juta iaitu antara 1.6% hingga 1,236.3%. Perbelanjaan bagi Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat mencatat peningkatan tertinggi pada tahun 2011 iaitu sejumlah RM6.82 juta atau 70.9% berbanding RM9.61 juta pada tahun 2010. Faktor utama peningkatan ialah pertambahan pemberian untuk perbelanjaan program dan panjar wang runcit pejabat di daerah pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Butiran perbelanjaan yang terlibat berserta punca peningkatan adalah seperti di **Jadual 4.14**.

Jadual 4.14**Peningkatan Yang Ketara Perbelanjaan Pada Tahun 2011 Berbanding 2010**

Bil.	Maksud Perbelanjaan	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	Peningkatan		Punca Peningkatan
				(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap – Kebajikan Masyarakat	9.61	16.43	6.82	70.9	a. Bayaran Bantuan Amal Jariah Ramadhan kepada penerima bantuan seramai 26,000 orang. b. Peruntukan kepada 49 NGO. c. Panjar Wang Runcit bagi 8 daerah di mana setiap daerah diperuntukkan RM10,000
2.	Emolumen – Jabatan Kerja Raya	36.47	39.96	3.49	9.5	Pergerakan kenaikan gaji tahunan kakitangan, penambahan kakitangan berjawatan tetap dan kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang.
3.	Emolumen - Jabatan Agama	20.63	22.40	1.77	8.5	Kenaikan gaji tahunan, tunggakan gaji tahunan, elaun pemangkuan, lantikan baru Pentafsir Al-Quran, pelarasan gaji kenaikan pangkat, tukar lantik dan Khas Untuk Penyandang.
4.	Emolumen – Pejabat Pendidikan Agama	96.44	98.03	1.59	1.6	Pembayaran terhadap Imbuan Tetap Tahunan dan Bayaran Balik Khas Prestasi Tahun 2011.
5.	Aset – Pejabat Tanah Dan Galian	0.11	1.47	1.36	1,236.3	Pembelian peralatan asas teknikal untuk kegunaan pejabat bagi seluruh daerah Negeri Johor.
Jumlah		163.26	178.29	15.03	9.2	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.2.3. Butiran perbelanjaan mengurus yang lain pula menunjukkan penurunan antara RM0.13 juta hingga RM48.88 juta iaitu antara 3.7% hingga 56.9%. Perbelanjaan di bawah Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap bagi Bayaran Kerana Hutang Kerajaan mencatat penurunan paling ketara bagi tahun 2011 iaitu sejumlah RM48.88 juta atau 56.9% berbanding RM85.90 juta dalam tahun 2010. Antara butiran penurunan yang ketara perbelanjaan tahun 2011 berbanding 2010 adalah seperti di **Jadual 4.15**.

Jadual 4.15**Penurunan Yang Ketara Perbelanjaan Pada Tahun 2011 Berbanding 2010**

Bil.	Maksud Perbelanjaan	Tahun		Penurunan		Punca Penurunan
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap – Bayaran Kerana Hutang Kerajaan	85.90	37.02	48.88	56.9	a. Tiada bayaran balik pinjaman Projek Bekalan Air kerana telah diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad. b. Tiada bayaran balik pinjaman bagi Projek Jalan Pintas Muar yang telah diselesaikan sepenuhnya pada tahun 2010.
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan - Setiausaha Kerajaan	57.82	51.71	6.11	10.5	Pada tahun 2011, perbelanjaan hanya untuk penyenggaraan sistem JEG Fasa 2 berbanding tahun 2010 yang merangkumi pembayaran untuk pembangunan dan penyenggaraan sistem.
3.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap – Dewan Undangan Negeri	8.57	5.41	3.16	36.8	Bayaran Ganjaran Tanpa Had Tempoh Perkhidmatan Kepada Bekas Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Dan Juga Ahli Dewan Negeri Johor menurun berbanding tahun 2010.
4.	Emolumen – Peruntukan Diraja	10.53	10.14	0.39	3.7	Pengurangan elaun dan kakitangan kerana bersara.
5.	Aset – Kebun Bunga Kerajaan	0.25	0.12	0.13	52.0	Tiada perolehan aset pada tahun 2011 berbanding tahun 2010.
Jumlah		163.07	104.40	58.67	35.9	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.2.4. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.16** dan **Carta 4.4**.


Jadual 4.16**Kedudukan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2007 Hingga 2011**

Bil.	Maksud Perbelanjaan	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Emolumen	249.88	296.56	297.38	320.50	336.30
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	203.35	234.90	209.00	222.16	220.01
3.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	313.94	340.23	308.16	300.99	266.19
4.	Aset Dan Perbelanjaan Lain	7.91	11.02	14.56	21.16	12.87
Jumlah		775.08	882.71	829.10	864.81	835.37

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.4

Kedudukan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2007 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.2.5. Analisis Audit terhadap trend perbelanjaan bagi 5 tahun mendapati perbelanjaan mengurus meningkat pada tahun 2007 dan 2008. Bagaimanapun, perbelanjaan mengurus telah menurun pada tahun 2009 dan meningkat semula pada tahun 2010. Pada tahun 2011, perbelanjaan mengurus telah menurun semula di mana penurunan ketara adalah bagi perbelanjaan Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap iaitu menurun sejumlah RM34.80 juta atau 11.6% menjadi RM266.16 juta berbanding RM300.99 juta pada tahun 2010.

4.4.3. Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58 (a)

4.4.3.1. Arahan Perbendaharaan 58(a) membenarkan perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan pada tahun kewangan yang lepas dibayar pada tahun semasa dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan dalam tahun perbelanjaan itu kena dibayar. Termasuk dalam perbelanjaan mengurus tahun 2011 adalah pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) yang berjumlah RM15.60 juta. Perbelanjaan tersebut meningkat sejumlah RM9.42 juta atau 152.4% berbanding tahun 2010 yang berjumlah RM6.18 juta. Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor merupakan Jabatan yang mencatatkan perbelanjaan tertinggi pada tahun 2011, manakala Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Pengurusan) mencatatkan perbelanjaan tertinggi pada tahun 2010. Antara perbelanjaan yang dibayar di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) ialah bayaran interim perkhidmatan penyelenggaraan dan pengurusan fasiliti di Kota Iskandar, bayaran utiliti (air dan elektrik) dan tuntutan elaun perjalanan. Pembayaran Arahan Perbendaharaan 58(a) bagi tahun 2011 berbanding 2010 adalah seperti di **Jadual 4.17**.

Jadual 4.17**Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) Bagi Tahun 2011 Berbanding 2010**

Bil.	Jabatan/Pejabat	2011		2010	
		Bil. Baucar Bayaran	Jumlah (RM Juta)	Bil. Baucar Bayaran	Jumlah (RM Juta)
1.	Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor	24	10.23	28	0.46
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor – Bahagian Pengurusan	223	1.48	224	1.11
3.	Jabatan Agama Johor	120	0.77	134	0.78
4.	Dewan Negeri Johor	263	0.70	176	0.38
5.	Lain-Lain	724	2.42	1,207	3.45
Jumlah		1,354	15.60	1,769	6.18

Sumber: Laporan SPEKs

4.4.4. Prestasi Kewangan Akaun Hasil Disatukan

4.4.4.1. Analisis terhadap prestasi kewangan Akaun Hasil Disatukan mengambil kira perbandingan antara hasil dengan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh perakaunan semasa dan tahun sebelumnya untuk mengukur surplus atau defisit Akaun Hasil Disatukan. Pada tahun 2011, Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri telah mencatat surplus sejumlah RM6.40 juta berbanding surplus berjumlah RM158.36 juta pada tahun 2010 seperti di **Jadual 4.18**. Analisis perbandingan surplus/defisit hasil bagi tahun 2007 hingga 2011 menunjukkan akaun ini mengalami surplus hasil bagi 3 tahun iaitu pada tahun 2007, 2010 dan 2011 seperti di **Jadual 4.19**. Surplus pada tahun 2010 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun kebelakangan.

Jadual 4.18**Prestasi Kewangan Akaun Hasil Disatukan Pada Tahun 2011 Berbanding 2010**

Bil.	Perihal	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil	1,023.17	841.77	-181.40	-17.7
2.	Perbelanjaan Mengurus	864.81	835.37	-29.44	-3.4
Surplus/Defisit		158.36	6.40	-151.96	-96.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.19**Prestasi Hasil Berbanding Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2007 Hingga 2011**

Bil.	Perkara	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Hasil	779.60	812.36	750.42	1,023.17	841.77
2.	Perbelanjaan Mengurus	775.08	882.71	829.10	864.81	835.37
Surplus/Defisit		4.52	-70.35	-78.68	158.36	6.40

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.4.2. Pada tahun 2011, Akaun Hasil Disatukan mencatatkan defisit terkumpul berjumlah RM319.29 juta berbanding defisit berjumlah RM325.69 juta pada tahun 2010. Penurunan defisit disebabkan penurunan jumlah perbelanjaan mengurus tahun 2011.

Analisis trend bagi tahun 2007 hingga 2011 mendapati Akaun Hasil Disatukan mencatatkan defisit terkumpul yang berterusan di mana defisit pada tahun 2009 adalah yang tertinggi bagi tempoh 5 tahun tersebut. Kedudukan Akaun hasil Disatukan bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Carta 4.5**.



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

4.5.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut kehendak Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan atau Kumpulan Wang Lain yang berkaitan. Pada akhir tahun 2011, Akaun Pinjaman Disatukan adalah berbaki kosong sebagaimana baki pada tahun 2010. Kerajaan Negeri Johor tidak menerima pinjaman baru daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2011. Kedudukan baki Akaun Pinjaman Disatukan bagi tahun 2010 dan 2011 adalah seperti di **Jadual 4.20**.

Jadual 4.20
Akaun Pinjaman Disatukan Pada Tahun 2011 Berbanding Tahun 2010

Butiran	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	Penurunan	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	0.00	0.00	0.00	0.0
Terimaan	14.61	0.00	14.61	100.0
Bayaran	14.61	0.00	14.61	100.0
Baki Pada 31 Disember	0.00	0.00	0.00	0.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.5.2. Kedudukan baki Akaun Pinjaman Disatukan bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.21**.

Jadual 4.21

Kedudukan Baki Akaun Pinjaman Disatukan Bagi Tahun 2007 Hingga 2011

Bil.	Pinjaman	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Perumahan Awam Kos Rendah	3.95	0.00	0.00	0.00	0.00
2.	Pelbagai	1.20	6.47	0.00	0.00	0.00
Jumlah		5.15	6.47	0.00	0.00	0.00

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.5.3. Analisis Audit terhadap trend baki Akaun Pinjaman Disatukan bagi tahun 2007 hingga 2011 mendapati akaun ini mempunyai baki setiap tahun sehingga tahun 2008. Mulai tahun 2009 hingga 2011, akaun ini berbaki kosong setelah Perbendaharaan Negeri Johor membuat pelarasan berjumlah RM277.47 juta iaitu RM271 juta ke akaun amanah berkaitan pembayaran hutang tertunggak pembelian air terawat dan RM6.47 juta ke Kumpulan Wang berkaitan Projek Membiayai Keperluan Bagi Menangani Masalah Y2K, Projek Ladang Hutan Kompensatori dan Projek Jalan Pintas Bandar Muar yang tidak bergerak melebihi 5 tahun. Bagi tahun 2011 pula, Kerajaan Negeri Johor tidak menerima pinjaman baru.

4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN

4.6.1. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c) Akta Tatacara Kewangan 1957 dan terbahagi kepada 3 kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah dan Surat Cara Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini mengakaunkan semua wang yang diterima sebagai amanah dan digunakan mengikut terma-terma amanah tersebut.

4.6.2. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk maksud tertentu. Kumpulan Wang ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran dari kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Negeri. Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2011 berjumlah RM75.54 juta berbanding pada akhir tahun 2010 berjumlah RM146.09 juta iaitu menurun sejumlah RM70.55 juta atau 48.3%.

4.6.2.1. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Akta 70 Tahun 1966) dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang

Pembangunan. Sumber kewangan bagi Kumpulan Wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil, terimaan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan dan pelbagai terimaan. Kumpulan Wang Pembangunan hanya boleh dibelanjakan bagi maksud yang ditentukan oleh Akta tersebut. Analisis Audit terhadap Kumpulan Wang Pembangunan mendapati perkara seperti berikut:

- a. Pada akhir tahun 2011, baki Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan defisit berjumlah RM171.84 juta berbanding defisit berjumlah RM96.24 juta pada tahun 2010. Peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2011 berjumlah RM364.56 juta adalah terdiri daripada sumber langsung dan pinjaman. Sejumlah RM255.20 juta atau 70% daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan iaitu menurun sejumlah RM3.64 juta atau 1.4% berbanding perbelanjaan tahun 2010 berjumlah RM258.84 juta.
- b. Analisis Audit terhadap perbelanjaan sebenar dengan peruntukan tahun 2011 mendapati 7 daripada 13 Jabatan telah membelanjakan melebihi 90% daripada peruntukan yang diluluskan. Jabatan berkenaan ialah Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Kerajaan Tempatan), Jabatan Landskap Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Pelancongan, Pejabat Menteri Besar dan Pejabat Daerah Dan Tanah. Kedudukan perbelanjaan berbanding peruntukan tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4.22**.

Jadual 4.22
Kedudukan Perbelanjaan Pembangunan Berbanding Peruntukan Pada Tahun 2011

Bil.	Jabatan Pelaksana	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pencapaian Perbelanjaan (%)
1.	Jabatan Landskap	1.95	1.95	100.0
2.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	20.25	20.17	99.6
3.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	8.15	8.12	99.6
4.	Pejabat Daerah Dan Tanah	31.00	30.42	98.1
5.	Jabatan Pelancongan	4.00	3.83	95.8
6.	Pejabat Menteri Besar	103.70	96.76	93.3
7.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Kerajaan Tempatan)	10.36	9.32	90.0
8.	Jabatan Pertanian	7.15	5.96	83.4
9.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Perumahan)	2.41	1.55	64.3
10.	Jabatan Perhutanan	5.33	3.17	59.5
11.	Jabatan Agama Johor	22.17	12.20	55.0
12.	Jabatan Kerja Raya	147.45	61.50	41.7
13.	Jabatan Perikanan	0.64	0.25	39.1
Jumlah		364.56	255.20	70.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- c. Analisis terhadap anggaran peruntukan dan perbelanjaan sebenar bagi tahun 2011 mendapati 5 projek pembangunan bagi 5 Jabatan tidak dibelanjakan langsung iaitu setiap satu projek bagi Jabatan Perikanan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

(Perumahan), Pejabat Menteri Besar, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Agama Johor yang berjumlah RM4.01 juta.

- d. Analisis Audit mendapati 3 Jabatan mencatatkan perbelanjaan pembangunan yang meningkat dengan ketara antara 1.4% hingga 29.8% pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Kerajaan Tempatan), Pejabat Menteri Besar dan Jabatan Kerja Raya. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Kerajaan Tempatan) menunjukkan peningkatan bagi Geran Keseimbangan Daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM6 juta atau 50% berbanding tahun 2010 yang berjumlah RM4 juta. Pejabat Menteri Besar pula menunjukkan peningkatan perbelanjaan bagi projek pembangunan yang berjumlah RM43.58 juta pada tahun 2011 atau 30.4% berbanding perbelanjaan pada tahun 2010 yang berjumlah RM33.41 juta. Manakala, perbelanjaan Jabatan Kerja Raya bagi projek Muzium Diraja Abu Bakar, Istana Besar Johor berjumlah RM0.98 juta atau 172.2% berbanding tahun 2010 yang berjumlah RM0.36 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.23**.

Jadual 4.23
Peningkatan Perbelanjaan Pembangunan Yang Ketara Pada
Tahun 2011 Berbanding 2010

Bil.	Jabatan	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	Peningkatan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Kerajaan Tempatan)	7.18	9.32	2.14	29.8
2.	Pejabat Menteri Besar	86.85	96.76	9.91	11.4
3.	Jabatan Kerja Raya	60.63	61.50	0.87	1.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- e. Analisis Audit juga mendapati perbelanjaan pembangunan bagi 3 Jabatan iaitu Jabatan Agama Johor, Pejabat Daerah Dan Tanah serta Jabatan Pengairan Dan Saliran telah mengalami penurunan antara 10.4% hingga 29.2% pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Jabatan Agama Johor telah menunjukkan penurunan sebanyak RM5.04 juta dengan perbelanjaan sejumlah RM12.20 juta pada tahun 2011 berbanding RM17.24 juta pada tahun 2010. Bagi Pejabat Daerah Dan Tanah pula, penurunan perbelanjaan adalah sebanyak RM8 juta atau 20.8% dengan perbelanjaan sejumlah RM30.42 juta berbanding perbelanjaan RM38.42 juta pada tahun 2010. Perbelanjaan Jabatan Pengairan Dan Saliran menunjukkan penurunan berjumlah RM2.35 juta dengan perbelanjaan sejumlah RM20.17 juta pada tahun 2011 berbanding RM22.52 juta pada tahun 2010. Antara sebab penurunan perbelanjaan bagi 3 jabatan berkenaan ialah projek pembangunan yang dirancang tidak dapat dilaksanakan dan peruntukan bagi tahun 2011 dikurangkan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.24**.

Jadual 4.24
Penurunan Perbelanjaan Pembangunan Yang Ketara Pada
Tahun 2011 Berbanding 2010

Bil.	Jabatan	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	Penurunan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Agama Johor	17.24	12.20	5.04	29.2
2.	Pejabat Daerah Dan Tanah	38.42	30.42	8.00	20.8
3.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	22.52	20.17	2.35	10.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.2.2. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Pinjaman, Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Pelbagai Kumpulan Wang, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Akaun Kena Bayar. Pada akhir tahun 2011, baki Kumpulan Wang ini meningkat sejumlah RM5.05 juta atau 2.1% kepada RM247.38 juta berbanding RM242.33 juta pada tahun 2010. Kedudukan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi tahun 2011 berbanding 2010 adalah seperti di **Jadual 4.25**.

Jadual 4.25
Kedudukan Baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan
Pada Tahun 2011 Berbanding 2010

Bil.	Perihal	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Pinjaman	77.83	67.80	-10.03	-12.9
2.	Akaun Penyelesaian	51.27	45.77	-5.50	-10.7
3.	Akaun Perniagaan	0.87	0.87	0.00	0.0
4.	Pelbagai Kumpulan Wang	11.72	14.94	3.22	27.5
5.	Kumpulan Wang Luar Jangka	0.50	0.50	0.00	0.0
6.	Akaun Kena Bayar	100.14	117.50	17.36	17.3
Jumlah		242.33	247.38	5.05	2.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.2.3. Akaun Kena Bayar

- a. Akaun Kena Bayar (AKB) diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri kepada pembekal barangan dan perkhidmatan yang diperolehi oleh kerajaan sehingga 31 Disember sesuatu tahun dan bayarannya dibuat pada bulan Januari tahun berikutnya. Pada tahun 2011, jumlah AKB adalah RM117.50 juta, meningkat sejumlah RM17.36 juta atau 17.3% berbanding RM100.14 juta pada tahun 2010.
- b. Sebanyak 43 Jabatan terlibat dalam pembayaran AKB pada tahun 2011. Empat jabatan yang menunjukkan jumlah bayaran AKB tertinggi adalah Jabatan Kerja Raya, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Jabatan Pengairan Dan Saliran serta Jabatan Agama Johor. Perbelanjaan AKB bagi 4 Jabatan yang terlibat pada tahun 2011 berbanding 2010 adalah seperti **Jadual 4.26**.


Jadual 4.26

Akaun Kena Bayar Bagi 4 Jabatan Pada Tahun 2011 Berbanding Tahun 2010

Bil.	Jabatan	2010	2011	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Kerja Raya	25.29	27.11	1.82	7.2
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	24.07	16.03	-8.04	-33.4
3.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	8.20	13.19	4.99	60.8
4.	Jabatan Agama Johor	10.01	12.06	2.05	20.5
Jumlah		67.57	68.39	0.82	1.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- c. Antara jenis perbelanjaan yang terlibat ialah tuntutan elaun lebih masa, tuntutan perjalanan, bayaran utiliti dan bayaran interim projek. Analisis perbandingan AKB bagi tempoh 5 tahun menunjukkan peningkatan pada tahun 2007, 2009 dan 2011, manakala penurunan bagi tahun 2008 dan 2010 seperti di **Carta 4.6**. AKB pada tahun 2011 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun kebelakangan.



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.3. Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Khas yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dan wang amanah yang diterima bagi maksud tertentu. Sumber kewangan Kumpulan Wang Amanah Awam adalah terimaan daripada orang awam yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri.

4.6.3.1. Akaun Wang Amanah Awam

- a. Kerajaan Negeri Johor mempunyai 59 Akaun Wang Amanah Awam yang dikendalikan oleh 22 Jabatan Negeri. Setakat 30 April 2012, sebanyak 54 daripada

59 akaun amanah berkenaan telah dikemukakan untuk pengauditan sebelum 31 Mac 2011. Sebanyak **5 akaun lagi belum dikemukakan untuk diaudit.**

- b. Pada tahun 2011, sebanyak 11 Akaun Wang Amanah Awam yang tidak aktif dan tidak diperlukan lagi telah ditutup. Baki akaun Akaun Amanah Rumah Orang-orang Tua Johor Bahru yang ditutup telah dijadikan hasil Kerajaan Negeri, manakala Akaun Amanah Banci Penduduk Dan Perumahan bagi 10 Pejabat Daerah telah dipindahkan ke Akaun Amanah Banci Penduduk Dan Perumahan di bawah pengurusan Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor untuk dikembalikan kepada Jabatan Perangkaan Malaysia. Sebanyak 6 akaun amanah yang lain telah tidak aktif antara 4 hingga 9 tahun tetapi masih belum ditutup. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 4.27** dan **Jadual 4.28.**

Jadual 4.27

Akaun Amanah Awam Yang Tidak Aktif Dan Telah Ditutup Pada Tahun 2011

Bil.	Nama Akaun Amanah	Baki (RM)
1.	Akaun Amanah Rumah Orang-orang Tua Johor Bahru	1,206
2.	Akaun Amanah Banci Penduduk dan Perumahan Pejabat Daerah Johor Bahru	207
3.	Akaun Amanah Banci Penduduk dan Perumahan Pejabat Daerah Muar	973
4.	Akaun Amanah Banci Penduduk dan Perumahan Pejabat Daerah Pontian	15,648
5.	Akaun Amanah Banci Penduduk dan Perumahan Pejabat Daerah Segamat	37,328
6.	Akaun Amanah Banci Penduduk dan Perumahan Pejabat Daerah Batu Pahat	53,446
7.	Akaun Amanah Banci Penduduk dan Perumahan Pejabat Daerah Ledang	8,730
8.	Akaun Amanah Banci Penduduk dan Perumahan Pejabat Daerah Mersing	4,152
9.	Akaun Amanah Banci Penduduk dan Perumahan Pejabat Daerah Kulai Jaya	18,692
10.	Akaun Amanah Banci Penduduk dan Perumahan Pejabat Daerah Kota Tinggi	8
11.	Akaun Amanah Banci Penduduk dan Perumahan Pejabat Daerah Kluang	11,572
Jumlah		151,962

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.28**Akaun Amanah Awam Yang Tidak Aktif Tetapi Masih Belum Ditutup**

Bil.	Nama Akaun Amanah	Tidak Aktif Semenjak Tahun	Baki Pada 31 Disember 2011 (RM Juta)
1.	Akaun Amanah Bayaran Pampasan Bagi Pengambilan Balik Tanah Laluan Kedua	2003	9.19
2.	Akaun Amanah Pembelian Rumah Awam Kos Rendah Caruman KWSP	2004	2.86
3.	Akaun Amanah Kerja Menyelamat Dan Balai Bukit Zahrah	2006	0.25
4.	Akaun Amanah Kumpulan Wang Pusingan Tunai Projek Perumahan Rakyat Secara Penswastaan	2008	0.80
5.	Akaun Amanah Tabung Bencana/Tsunami Johor	2008	0.18
6.	Akaun Amanah Projek Penyelidikan Di Bawah Satelit Bioteknologi	2008	0.03
Jumlah			13.31

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- c. Sementara itu, sebanyak 3 akaun amanah baru diwujudkan pada tahun 2011 yang disenggarakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ) iaitu Akaun Amanah Pengurusan dan Operasi Perbadanan Pengangkutan Awam Iskandar Malaysia, Akaun Amanah Projek Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor dan Akaun Amanah Program Karnival Kerjaya, Perniagaan dan Kemahiran. Senarai 3 akaun amanah baru tersebut adalah seperti di **Jadual 4.29**.

Jadual 4.29**Akaun Amanah Baru Pada Tahun 2011**

Bil.	Akaun Amanah	Peruntukan 2011 (RM Juta)	Objektif Penubuhan
1.	Projek Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor	10.00	Pembayaran kerja-kerja pembinaan dan menyiapkan 121 unit sekolah agama di Negeri Johor.
2.	Pengangkutan Awam Iskandar Malaysia (PAIM)	1.00	Modal awal untuk pengurusan dan operasi PAIM.
3.	Program Karnival Kerjaya, Perniagaan Dan Kemahiran (KEPAK)	0.12	Perbelanjaan aktiviti yang berkaitan dengan program KEPAK.
Jumlah		11.12	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.3.2. Akaun Amanah Penyenggaraan Jalan-jalan Negeri

- a. Akaun Amanah Penyenggaraan Jalan-jalan Negeri ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957. Sumber kewangan akaun amanah ini adalah daripada pemberian Kerajaan Persekutuan yang digunakan khusus bagi membiayai program penyenggaraan semua jalan raya negeri yang dikawal oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor. Pada tahun 2009, Akaun Amanah Penyenggaraan Jalan MARRIS diwujudkan untuk tujuan yang sama dan dikawal oleh Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Johor (JKR). Sumber akaun amanah ini ialah pindahan daripada Akaun Amanah Penyenggaraan Jalan-jalan Negeri yang dikawal oleh

Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor. Pada tahun 2011 sejumlah RM318.11 juta terimaan daripada Kerajaan Persekutuan telah diakaunkan ke akaun ini. Baki Akaun Amanah Penyenggaraan Jalan-jalan Negeri pada 31 Disember 2011 ialah RM463.19 juta iaitu RM446.58 juta adalah baki akaun amanah di bawah kawalan Pejabat Perbendaharaan Negeri, manakala RM16.61 juta adalah baki akaun amanah di bawah kawalan JKR. Baki akaun amanah tersebut meningkat sejumlah RM62.96 juta atau 15.7% berbanding baki berjumlah RM400.23 juta pada akhir tahun 2010. Peratus penggunaan iaitu perbelanjaan berbanding terimaan serta baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan-jalan Negeri bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.30**.

Jadual 4.30
Kedudukan Baki Akaun Amanah Penyenggaraan Jalan-jalan Negeri
Bagi Tahun 2007 Hingga 2011

Tahun	Baki Pada 1 Januari (RM Juta)	Terimaan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Baki Pada 31 Disember (RM Juta)	Penggunaan (%)
2007	57.95	172.26	120.37	109.84	69.9
2008	109.84	237.51	162.31	185.04	68.3
2009	185.04	305.70	212.13	278.61	69.4
2010	278.61	347.15	225.53	400.23	65.0
2011	400.23	318.11	255.15	463.19	80.2

Sumber: Akaun Amanah Penyenggaraan Jalan-jalan Negeri

- b. Peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan yang diterima pada tahun 2011 menurun sebanyak RM29.04 juta walaupun panjang jalan negeri yang didaftarkan pada tahun 2011 meningkat iaitu 11,804.18 km berbanding 11,044.67 km pada tahun 2010. Walaupun perbelanjaan meningkat sejumlah RM29.62 juta pada tahun 2011 berbanding 2010, akaun amanah masih menunjukkan baki yang tinggi pada setiap tahun.
- c. Pada tahun 2011, sejumlah RM50 juta telah dipindahkan ke Akaun Amanah Penyenggaraan Jalan MARRIS yang dikawal oleh JKR terdiri daripada RM30 juta untuk penyenggaraan jalan negeri dan RM20 juta untuk pelarasan perbelanjaan emolumen. Jumlah pindahan tersebut hanya 58.5% daripada peruntukan berjumlah RM85.50 juta yang telah diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri untuk tahun 2011 di mana RM65.50 juta untuk penyenggaraan jalan negeri dan RM20 juta untuk pelarasan perbelanjaan emolumen. Jumlah pindahan juga menurun sebanyak RM3.30 juta berbanding RM53.30 juta pada tahun 2010. Pada tahun 2011, JKR telah membelanjakan sejumlah RM49.66 juta atau 99.3% daripada peruntukan yang diterima dan akaun berbaki RM16.61 juta.
- d. Berdasarkan bajet yang disediakan oleh JKR, anggaran perbelanjaan penyenggaraan jalan negeri bagi tahun 2011 adalah berjumlah RM65.47 juta. Ini bermakna jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Perbendaharaan Negeri pada tahun 2011 menampung bajet sebanyak 76.4%. Baki peruntukan Akaun Amanah

Penyenggaraan Jalan-jalan Negeri boleh digunakan pada tahap maksimum sekiranya Perbendaharaan Negeri menyalurkan pindahan yang lebih banyak kepada JKR mengikut keperluan sebenar aktiviti penyenggaraan jalan negeri.

4.6.4. Akaun Wang Deposit

Wang Deposit merupakan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang tertentu atau perjanjian yang dipegang untuk satu jangka masa tertentu akan dibayar balik kepada pendeposit setelah maksudnya tercapai. Analisis Audit terhadap Akaun Wang Deposit mendapati perkara seperti berikut:

4.6.4.1. Pada akhir tahun 2011, Kerajaan Negeri mempunyai 17 jenis deposit yang diselenggarakan oleh 35 Jabatan melalui 80 akaun deposit yang berbaki RM185.80 juta. Baki deposit telah menurun sejumlah RM38.48 juta atau 17.2% menjadi RM185.80 juta pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 yang berjumlah RM224.28 juta. Penurunan yang ketara adalah deposit tanah yang menurun sejumlah RM43.06 juta menjadi RM125.06 juta pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 yang berjumlah RM168.12 juta. Penurunan ini disebabkan meningkatnya penebusan balik deposit tanah oleh pendeposit di Pejabat Tanah Johor Bahru sejumlah RM33.26 juta dan Pejabat Tanah Kota Tinggi sejumlah RM9.29 juta. Semakan Audit Akaun Deposit Perusahaan Pukat Tunda bagi Jabatan Perikanan Negeri Johor telah tidak bergerak melebihi 3 tahun dengan baki berjumlah RM17,650 pada 31 Disember 2011. Baki deposit pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 4.31** dan trend baki deposit bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.32**.

Jadual 4.31
Baki Deposit Pada Tahun 2011 Berbanding Tahun 2010

Bil.	Jenis Deposit	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Tanah	168.12	125.06	-43.06	-25.6
2.	Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	25.31	28.83	3.52	13.9
3.	Am Jabatan	13.92	14.11	0.19	1.4
4.	Lain-lain Deposit	16.93	17.80	0.87	5.2
Jumlah		224.28	185.80	-38.48	-17.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.32
Baki Deposit Bagi Tahun 2007 Hingga 2011

Bil.	Jenis Deposit	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Tanah	181.35	170.41	134.29	168.12	125.06
2.	Wang Jaminan Pelaksanaan	16.28	15.09	18.65	25.31	28.83
3.	Am Jabatan	13.70	14.04	14.28	13.92	14.11
4.	Lain-lain Deposit	22.99	20.26	21.63	16.93	17.80
Jumlah		234.32	219.80	188.85	224.28	185.80

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.7. PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

4.7.1. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai disediakan selaras dengan kehendak Piawaian Perakaunan Kerajaan yang telah berkuat kuasa mulai tahun kewangan 2005. Penyata ini menunjukkan aliran masuk dan keluar tunai serta kesetaraan tunai. Aliran masuk terimaan terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman, modal dan amanah. Aliran keluar pula terdiri daripada perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal, pengeluaran pinjaman dan bayaran amanah. Analisis Audit menunjukkan sumber dana Kerajaan Negeri Johor pada tahun 2011 berjumlah RM935.26 juta terdiri daripada terimaan hasil, terimaan modal dan terimaan amanah. Sejumlah RM869.57 juta telah digunakan untuk pembayaran bagi perbelanjaan mengurus, pembangunan, bayaran balik pinjaman dan modal. Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri Johor mencatatkan lebih wang tunai berjumlah RM65.69 juta berbanding kurangan pada tahun 2010 yang berjumlah RM1.59 juta. Lebihan wang tunai pada tahun 2011 menyebabkan baki wang tunai pada akhir tahun 2011 meningkat sebanyak 170% iaitu daripada RM38.64 juta pada tahun 2010 menjadi RM104.33 juta pada tahun 2011.

4.7.2. Pada tahun 2011, aliran masuk tunai Kerajaan Negeri menurun sejumlah RM377.41 juta atau 28.8% menjadi RM935.26 juta berbanding RM1,312.67 juta pada tahun 2010. Penurunan adalah disebabkan pengurangan terimaan amanah iaitu sejumlah RM198.41 juta.

4.7.3. Aliran keluar tunai pada tahun 2011 juga menurun sejumlah RM444.69 juta atau 33.8% menjadi RM869.57 juta berbanding RM1,314.26 juta pada tahun 2010. Penurunan adalah disebabkan pengurangan pembayaran pinjaman yang berjumlah RM37.02 juta.

4.7.4. Penerimaan dan pembayaran wang tunai Kerajaan Negeri Johor pada tahun 2011 berbanding 2010 adalah seperti di **Jadual 4.33**.

Jadual 4.33

Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai Kerajaan Negeri Pada Tahun 2011 Berbanding 2010

Bil.	Butiran	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Terimaan	1,312.67	935.26	-377.41	28.8
	Hasil Cukai	269.92	294.22	24.30	9.0
	Hasil Bukan Cukai	526.37	411.66	-114.71	-21.8
	Terimaan Bukan Hasil	226.88	135.89	-90.99	-40.1
	Pinjaman Dalam Negeri	14.61	0.00	-14.61	-100.0
	Modal	62.59	79.60	17.01	27.2
	Terimaan Amanah	212.30	13.89	-198.41	-93.5
2.	Bayaran	1,314.26	869.57	-444.69	-33.8
	Perbelanjaan Mengurus	685.34	698.35	13.01	1.9
	Perbelanjaan Pembangunan	258.84	255.20	-3.64	-1.4
	Bayaran Balik Pinjaman	94.08	37.02	-57.06	-60.7
	Perbelanjaan Modal	276.00	-121.00	-397.00	-143.8
	Bayaran Amanah	0.00	0.00	0.00	0.0
Tambahan/Kurangan Wang Tunai		-1.59	65.69	67.28	-4,231.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.7.5. Penerimaan dan pembayaran wang tunai Kerajaan Negeri Johor bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.34**.

Jadual 4.34
Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai Kerajaan Negeri Pada Tahun 2007 Hingga 2011

Bil.	Butiran	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Terimaan	4,374.18	4,986.48	1,192.49	1,312.67	935.26
	Hasil Cukai	226.26	226.58	235.00	269.92	294.22
	Hasil Bukan Cukai	305.45	353.63	277.12	526.37	411.66
	Terimaan Bukan Hasil	247.89	232.15	238.30	226.88	135.89
	Pinjaman Dalam Negeri	0.00	182.11	271.00	14.61	0.00
	Modal	31.69	30.09	56.06	62.59	79.60
	Terimaan Amanah	3,562.89	3,961.92	*115.01	*212.30	*13.89
2.	Bayaran	4,367.10	5,050.52	1,188.64	1,314.26	869.57
	Perbelanjaan Mengurus	775.08	882.71	637.16	685.34	698.35
	Perbelanjaan Pembangunan	194.50	194.67	232.06	258.84	255.20
	Bayaran Balik Pinjaman	0.00	180.79	293.42	94.08	37.02
	Perbelanjaan Modal	0.00	0.00	26.00	276.00	-121.00
	Bayaran Amanah	3,397.52	3,792.35	0.00	0.00	0.00
	Tambahan/Kurangan Wang Tunai	7.08	-64.04	3.85	-1.59	65.69

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

* Amaun perbandingan mulai tahun 2009 hingga 2011 adalah berdasarkan format baru persembahan penyata kewangan dan mengguna pakai jumlah tahun semasa

4.8. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

4.8.1. Pada tahun 2011, sumber dana Kerajaan Negeri berjumlah RM841.77 juta terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Penggunaan dana bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM990.57 juta. **Pada tahun 2011 Kerajaan Negeri mengalami kekurangan dana berjumlah RM148.80 juta bagi membiayai perbelanjaannya.** Kekurangan tersebut dibiayai dengan terimaan balik pinjaman dan pelbagai terimaan serta perubahan tunai, pelaburan dan amanah. Butiran penyata prestasi kewangan adalah seperti di **Jadual 4.35**.

Jadual 4.35
Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010 Dan 2011

Bil.	Butiran	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil:				
	Hasil Cukai	269.92	294.22	24.30	9.0
	Hasil Bukan Cukai	526.37	411.66	-114.71	-21.8
	Terimaan Bukan Hasil	226.88	135.89	-90.99	-40.1
	Jumlah Hasil	1,023.17	841.77	-181.40	-17.7
2.	Perbelanjaan:				
	Perbelanjaan Mengurus	764.81	735.37	-29.44	-3.8
	Perbelanjaan Pembangunan	258.84	255.20	-3.64	-1.4
	Jumlah Perbelanjaan	1,023.65	990.57	-33.08	-3.2
	Lebihan/Kurangan	-0.48	-148.80	-148.32	-30,900.0
	Kurangan Dibiayai Oleh:				
	Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	62.60	79.60	17.00	27.1
	Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	-62.12	69.20	131.32	211.4
	Jumlah Pembiayaan	0.48	148.80	148.32	30,900.0

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.2. Analisis Audit mendapati hasil Kerajaan Negeri menunjukkan penurunan sejumlah RM181.40 juta atau 17.7% iaitu daripada RM1,023.17 juta pada tahun 2010 berbanding RM841.77 juta pada tahun 2011. Walaupun perbelanjaan mengalami penurunan sejumlah RM33.08 juta atau 3.2 % daripada RM1,023.65 juta pada tahun 2010 berbanding RM990.57 juta pada tahun 2011, prestasi kewangan Kerajaan Negeri masih mencatatkan defisit yang tinggi berjumlah RM148.80 juta berbanding defisit pada tahun 2010 berjumlah RM0.48 juta.

4.9. AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan tanggungan kerajaan yang tidak dinyatakan dalam Lembaran Iimbangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan pinjaman boleh dituntut, pelaburan dan tunggakan hasil, manakala Penyata Akaun Liabiliti menunjukkan kedudukan hutang awam dalam negeri.

4.9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

4.9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut adalah merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi Negeri/Syarikat dan Pihak Berkuasa Tempatan dengan menggunakan sumber Kerajaan Negeri atau pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan.

4.9.1.2. Analisis Audit mendapati baki pinjaman boleh dituntut pada akhir tahun 2011 menurun sejumlah RM835.51 juta atau 66.1% iaitu daripada RM1,264.20 juta pada tahun 2010 menjadi RM428.69 juta pada tahun 2011. Penurunan ketara adalah disebabkan pelarasan pinjaman oleh Syarikat Air Johor Holdings Sdn Bhd berjumlah RM396.05 juta dan Johor Special Water Sdn Bhd berjumlah RM436 juta untuk pinjaman Projek Bekalan Air yang telah diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Baki pinjaman berjumlah RM334.51 juta masih belum diambil alih oleh PAAB yang merupakan pinjaman daripada Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia. Penyelesaian terhadap baki pinjaman tersebut masih dalam perbincangan semua pihak yang terlibat. Kerajaan Negeri menerima bayaran balik pinjaman secara tunai sejumlah RM3.46 juta iaitu RM0.10 juta daripada Majlis Perbandaran Muar dan Perbadanan Johor berjumlah RM3.36 juta. Bayaran balik daripada Perbadanan Johor meningkat pada tahun 2011 berbanding RM1.64 juta pada tahun 2010. Kedudukan baki pinjaman boleh dituntut dan tunggakan bayaran balik pada tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4.36**.

Jadual 4.36**Baki Pinjaman Boleh Dituntut Dan Tunggakan Bayaran Balik Pada Tahun 2011**

Bil.	Agensi	Baki Pinjaman Pada 1.1.2011 (RM Juta)	Pinjaman Diberi Pada Tahun 2011 (RM Juta)	Bayaran Balik/ Pelarasan (RM Juta)	Baki Pinjaman Pada 31.12.2011 (RM Juta)	Tunggakan Bayaran Balik Pokok + Faedah (RM Juta)
1.	Syarikat Air Johor Holdings Sdn Bhd	730.56	0.00	396.05	334.51	0.00
2.	Perbadanan Johor	92.38	0.00	3.36	89.02	75.14
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	5.26	0.00	0.10	5.16	0.00
4.	Pinjaman Lain: Johor Special Water Sdn Bhd	436.00	0.00	436.00	0.00	0.00
Jumlah		1,264.20	0.00	835.51	428.69	75.14

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.1.3. Kedudukan baki pinjaman boleh dituntut oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun iaitu bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.37** dengan baki tahun 2009 merupakan yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun kebelakangan.

Jadual 4.37**Baki Pinjaman Boleh Dituntut Oleh Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2007 Hingga 2011**

Bil.	Agensi	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Syarikat Air Johor Holdings Sdn Bhd	597.50	597.50	763.76	730.56	334.51
2.	Perbadanan Johor	66.62	83.73	79.41	92.38	89.02
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	5.56	5.46	5.36	5.26	5.16
4.	Yayasan Pelajaran Johor	3.02	2.52	2.52	0.00	0.00
5.	Pinjaman Lain: Johor Special Water Sdn Bhd	0.00	159.72	430.73	436.00	0.00
Jumlah		672.70	848.93	1,281.78	1,264.20	428.69

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.2. Pelaburan

4.9.2.1. Pelaburan saham yang dilaporkan di Penyata Akaun Memorandum Pelaburan pada akhir tahun 2011 adalah berjumlah RM450.75 juta. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan bersih dalam Tabung Amanah Warisan Negeri Johor berjumlah RM348.75 juta, Syarikat Air Johor Sdn Bhd berjumlah RM100 juta, Syarikat Permodalan Darul Ta'zim Sdn Bhd berjumlah RM1 juta dan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn Bhd berjumlah RM1 juta. Analisis Audit menunjukkan pelaburan ini meningkat sejumlah RM29.24 juta atau 6.9% berbanding baki berjumlah RM421.51 juta pada tahun 2010. Ini disebabkan pelaburan bersih dalam Tabung Amanah Warisan Negeri Johor telah meningkat sejumlah RM29.24 juta atau 9.2% menjadi RM348.75 juta pada tahun 2011 berbanding sejumlah RM319.51 juta pada tahun 2010. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri Johor mengikut Akaun Memorandum Pelaburan pada tahun 2011 berbanding 2010 adalah seperti di **Jadual 4.38**.

Jadual 4.38**Kedudukan Pelaburan Pada Tahun 2011 Berbanding 2010**

Bil.	Agensi	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	Peningkatan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Tabung Amanah Warisan Negeri Johor	319.51	348.75	29.24	9.2
2.	Syarikat Air Johor Sdn Bhd	100.00	100.00	0.00	0.0
3.	Syarikat Permodalan Darul Ta'zim Sdn Bhd	1.00	1.00	0.00	0.0
4.	Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn Bhd	1.00	1.00	0.00	0.0
Jumlah		421.51	450.75	29.24	6.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.2.2. Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri mengikut Penyata Akaun Memorandum Pelaburan bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.39** di mana pelaburan tahun 2009 adalah yang terendah dalam tempoh 5 tahun kebelakangan. Jumlah pelaburan dalam Tabung Amanah Warisan Negeri Johor (Tabung) meningkat pada tahun 2007 sebelum menurun pada tahun 2008 dan 2009. Pada tahun 2010, jumlah pelaburan dalam Tabung telah meningkat sebanyak RM17.86 juta atau 5.9% dan meningkat lagi sebanyak RM29.24 juta atau 9.2% daripada RM319.51 juta pada tahun 2010 kepada RM348.75 juta pada tahun 2011.


Jadual 4.39**Kedudukan Pelaburan Bagi Tahun 2007 Hingga 2011**

Bil.	Agensi	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Tabung Amanah Warisan Negeri Johor	344.55	326.62	301.65	319.51	348.75
2.	Syarikat Air Johor Sdn Bhd	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
3.	Syarikat Permodalan Darul Ta'zim Sdn Bhd	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
4.	Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn Bhd	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
Jumlah		446.55	428.62	403.65	421.51	450.75

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.2.3. Analisis Audit terhadap prestasi pelaburan oleh Tabung mendapati pelaburan dalam bentuk saham jangka panjang dan jangka pendek telah menurun sejumlah RM61.10 juta atau 14.1% iaitu daripada RM431.83 juta pada tahun 2010 kepada RM370.73 juta pada tahun 2011. Sejumlah RM179.38 juta daripada RM370.73 juta atau 48.4% adalah pelaburan dalam saham berisiko (pasaran terbuka), manakala sejumlah RM191.35 juta atau 51.6% dilaburkan dalam saham kurang risiko. Saham kurang risiko terdiri daripada saham amanah berjumlah RM46.86 juta dan saham jangka pendek berjumlah RM144.49 juta yang dinilai oleh Tabung dan pengurus dananya sebagai "Trustee Stocks" (saham yang memberi dividen sekurang-kurangnya 5% setiap tahun dalam tempoh 5 tahun ke belakang).

4.9.2.4. Pelaburan Kerajaan Negeri Johor dalam 3 syarikat subsidiarinya tidak menunjukkan perubahan bagi tempoh 5 tahun. Pada tahun 2011, Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn Bhd telah membayar dividen kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM5 juta pada tahun 2011 berbanding RM3 juta pada tahun 2010. Dua syarikat subsidiari yang lain iaitu Syarikat Air Johor Sdn Bhd dan Syarikat Permodalan Darul Ta'zim Sdn Bhd tidak pernah memberi dividen kepada Kerajaan Negeri Johor bagi tahun 2007 hingga 2011 atau tahun-tahun sebelumnya. Kedudukan pelaburan dan pulangan dividen Kerajaan Negeri dalam 3 syarikat subsidiari bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Carta 4.7.**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.3. Tunggalan Hasil

4.9.3.1. Peraturan mengenai tunggalan hasil dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 89, yang menghendaki setiap Pegawai Pengawal menghantar penyata mengenai apa-apa hasil yang sepatutnya diterima pada 31 Disember kepada Perbendaharaan Negeri dengan salinannya kepada Jabatan Audit Negara. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 juga menjelaskan dasar dan tatacara Akaun Belum Terima di mana tunggalan hasil adalah sebahagian daripadanya. Selain itu, Surat Arahan Bagi Penutupan Akaun Negeri melalui Pekeliling Perbendaharaan Negeri Johor Bil. 5 Tahun 2011 telah menetapkan kewajipan mengemukakan Penyata Tunggalan Hasil 2011.

4.9.3.2. Berdasarkan Penyata Tunggalan Hasil yang dikemukakan oleh ketua jabatan kepada Perbendaharaan Negeri Johor, tunggalan hasil bagi 12 pemungut hasil adalah berjumlah RM160.81 juta pada akhir tahun 2011. Semakan Audit mendapati sebahagian besar daripada tunggalan hasil ini merupakan hasil cukai tanah, sewa dan sewa beli rumah, hasil penswastan serta cukai air mentah berjumlah RM157.89 juta atau 98.2% daripada keseluruhan jumlah tunggalan hasil tahun 2011. Keseluruhan tunggalan hasil

menunjukkan penurunan sejumlah RM15.09 juta atau 8.6% berbanding tunggakan hasil tahun 2010 yang berjumlah RM175.90 juta. Kedudukan tunggakan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 4.40**.

Jadual 4.40
Kedudukan Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri Pada Tahun 2011 Berbanding 2010

Bil.	Butiran Hasil	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	113.08	92.36	-20.72	-18.3
2.	Sewa Dan Sewa Beli Rumah	38.80	37.31	-1.49	-3.8
3.	Hasil Penswastaaan	18.73	19.14	0.41	2.2
4.	Cukai Air Mentah	3.59	9.08	5.49	152.9
5.	Hasil Lain	1.70	2.92	1.22	71.8
Jumlah		175.90	160.81	-15.09	-8.6

Sumber: Penyata Tunggakan Hasil Negeri

4.9.3.3. Daripada **Jadual 4.40**, cukai tanah mencatatkan tunggakan hasil tertinggi pada tahun 2011 iaitu mewakili 57.4% daripada keseluruhan tunggakan hasil. Penurunan tunggakan hasil cukai tanah sejumlah RM20.72 juta atau 18.3% pada tahun 2011 adalah disebabkan cukai tanah yang telah dibuat pembayaran, pengurangan bayaran tunggakan cukai tanah sebanyak 50% dan pengecualian bayaran Denda Lewat Bayar selain daripada tindakan pemutihan data oleh Pejabat Tanah Dan Galian Negeri. Analisis Audit mendapati Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru merupakan penyumbang utama tunggakan hasil cukai tanah iaitu RM50.36 juta dan diikuti oleh Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat dengan jumlah RM12.30 juta pada tahun 2011. Pejabat Tanah Daerah Kecil Pengerang merupakan antara jabatan yang berjaya mengurangkan tunggakan hasil cukai tanah pada tahun 2011 iaitu sejumlah RM21.40 juta atau 82.7% berbanding tahun 2010. Penurunan tersebut disebabkan projek peranginan di Daerah Pengerang yang mula mencatatkan pulangan setelah diambil alih oleh sebuah syarikat Kerajaan Persekutuan menyumbang kepada pembayaran tunggakan cukai tanah. Senarai tunggakan hasil cukai tanah bagi Pejabat Tanah Daerah pada tahun 2011 berbanding 2010 adalah seperti di **Jadual 4.41**.

Jadual 4.41
Tunggakan Hasil Cukai Tanah Pada Tahun 2011 Berbanding 2010

Bil.	Pejabat Tanah Daerah	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Johor Bahru	49.68	50.36	0.68	1.4
2.	Batu Pahat	11.87	12.30	0.43	3.6
3.	Kluang	7.86	8.18	0.32	4.1
4.	Kota Tinggi	5.83	6.28	0.45	7.7
5.	Pengerang	25.87	4.47	-21.40	-82.7
6.	Lain-lain	11.97	10.77	-1.20	-10.0
Jumlah		113.08	92.36	-20.72	-18.3

Sumber: Penyata Tunggakan Hasil Negeri

4.9.3.4. Mengikut maklumat daripada Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru dan Batu Pahat, peningkatan tunggakan hasil cukai tanah disebabkan mereka menghadapi masalah data yang tidak kemas kini dalam sistem SHTJ (Sistem Hasil Tanah Johor),

kelewatan dan keengganan pemilik tanah untuk menjelaskan cukai, tanah milik syarikat yang mendapat kelulusan penangguhan pembayaran dan pengecualian denda serta tanah milik individu yang maklumat hak milik tidak kemas kini dalam sistem. Bagi tunggakan hasil penswastaaan, masalah kewangan yang dihadapi oleh syarikat pemaju bagi projek penswastaaan yang gagal menjelaskan tunggakan hasil antara satu hingga 3 tahun juga telah meningkatkan lagi jumlah tunggakan hasil penswastaaan. Selain itu, pihak Syarikat Air Melaka Berhad masih belum membuat pembayaran cukai air mentah semenjak perubahan kadar caj air mentah bermula pada Ogos 2008 daripada RM0.30/gelen kepada kadar baru RM0.40/gelen sehingga 31 Disember 2011.


4.9.3.5. Analisis trend tunggakan hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun iaitu bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.42** dan **Carta 4.8**.

Jadual 4.42

Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2007 Hingga 2011

Bil.	Butiran Hasil	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Cukai Tanah	76.96	79.18	97.18	113.08	92.36
2.	Sewa Dan Sewa Beli Rumah	42.11	42.44	40.94	38.80	37.31
3.	Hasil Penswastaaan	17.62	17.01	16.95	18.73	19.14
4.	Cukai Air Mentah	15.54	16.55	21.21	3.59	9.08
5.	Hasil Lain	1.24	1.00	1.04	1.70	2.92
Jumlah		153.47	156.18	177.32	175.90	160.81

Sumber: Penyata Tunggakan Hasil



Sumber: Penyata Tunggakan Hasil

4.9.4. Hutang Awam

4.9.4.1. Kerajaan Negeri Johor dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya kecuali pada tahun 2007 dan 2011. Pada akhir tahun 2011, baki hutang awam Kerajaan Negeri Johor adalah berjumlah RM482.70 juta berbanding RM1,379.99 juta pada tahun 2010 iaitu menurun sejumlah RM897.29 juta atau 65%. Penurunan ini disebabkan pelarasan sejumlah RM873.71 juta terhadap baki hutang awam Kerajaan Negeri bagi Projek Bekalan Air yang diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) pada tahun 2011. Kedudukan hutang awam Kerajaan Negeri Johor pada tahun 2011 berbanding pada tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 4.43**.

Jadual 4.43
Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri Dengan Kerajaan Persekutuan Pada Tahun 2011 Berbanding Tahun 2010

Bil.	Pinjaman	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	Perubahan (RM Juta) (%)	
1.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	54.26	33.03	-21.23	-39.1
2.	Projek Bekalan Air	1,208.22	334.51	-873.71	-72.3
3.	Projek Perbadanan Johor	84.04	84.04	0.00	0.0
4.	Pinjaman Lain	33.47	31.12	-2.35	-7.0
Jumlah		1,379.99	482.70	-897.29	65.0


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.4.2. Analisis Audit mendapati kedudukan baki hutang awam Kerajaan Negeri bagi tahun 2007 dan 2011 menunjukkan penurunan kerana pada kedua-dua tahun tersebut Kerajaan Negeri tidak menerima pinjaman baru dan telah menjelaskan sebahagian pinjamannya kepada Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun, baki hutang awam Kerajaan Negeri meningkat pada tahun 2008 dan 2009 kerana menerima pinjaman baru, manakala peningkatan pada tahun 2010 disebabkan terimaan pinjaman baru serta pelarasan dan pengelasan semula pinjaman. Bagi tempoh 5 tahun tersebut, Kerajaan Negeri menerima pinjaman baru bagi Projek Bekalan Air berjumlah RM436 juta dan sejumlah RM31.72 juta. Kedudukan hutang awam Kerajaan Negeri Johor bagi tempoh 5 tahun iaitu bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.44** dan **Carta 4.9** yang mana baki tahun 2010 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun kebelakangan.

Jadual 4.44
Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2007 Hingga 2011

Bil.	Pinjaman	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	84.80	77.36	68.93	54.26	33.03
2.	Projek Bekalan Air	633.88	633.88	633.88	1,208.22	334.51
3.	Projek Perbadanan Johor	35.39	52.50	51.05	84.04	84.04
4.	Pinjaman Lain	87.06	250.96	520.44	33.47	31.12
Jumlah		841.13	1,014.70	1,274.30	1,379.99	482.70

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.4.3. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman


- a. Analisis Audit mendapati kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri bagi tahun 2007 hingga 2011 menunjukkan penurunan setiap tahun di mana tunggakan pinjaman pada tahun 2011 adalah yang terendah dalam tempoh 5 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan menurun sejumlah RM24.75 juta atau 20.5% menjadi RM96 juta pada akhir tahun 2011 berbanding RM120.75 juta pada tahun 2010. Penurunan ini disebabkan bayaran balik oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM32.62 juta kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2011 iaitu meningkat sejumlah RM7.29 juta atau 28.8% berbanding RM25.33 juta pada tahun 2010. Kerajaan Negeri berjaya mengurangkan baki tunggakan bayaran balik Projek Rumah Awam Kos Rendah daripada RM24.62 juta pada tahun 2010 kepada hanya berbaki RM0.67 juta pada tahun 2011. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.45**.

Jadual 4.45
Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Negeri Bagi
Tahun 2007 Hingga 2011

Bil.	Pinjaman	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	45.58	40.14	37.26	24.62	0.67
2.	Projek Bekalan Air	553.43	553.43	553.43	0.00	0.00
3.	Projek Perbadanan Johor	44.11	44.11	42.18	68.54	68.54
4.	Pinjaman Lain	54.21	54.24	53.43	27.59	26.79
Jumlah		697.33	691.92	686.30	120.75	96.00

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri

- b. Analisis Audit mendapati bayaran balik pinjaman bagi tahun 2011 meningkat sejumlah RM7.29 juta atau 28.8% berbanding tahun 2010. Peningkatan disebabkan jumlah bayaran balik untuk pinjaman Projek Perumahan Awam Kos Rendah meningkat 49% daripada RM19.61 juta pada tahun 2010 kepada RM29.21 juta pada tahun 2011. Bayaran balik untuk pinjaman Projek Perbadanan Johor pula rendah setiap tahun kerana Agensi Negeri tersebut tidak membayar balik pinjamannya kepada Kerajaan Negeri mengikut jadual ditetapkan. Kedudukan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Carta 4.10**.




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.10. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

4.10.1. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor adalah memuaskan dan perlu dipertingkatkan. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah menurun sejumlah RM55.31 juta atau 10.9% kepada RM450.50 juta berbanding RM505.81 juta pada tahun 2010. Kerajaan Negeri mencatatkan surplus Hasil berjumlah RM6.40 juta menjadikan defisit Akaun Hasil Disatukan pada 31 Disember 2011 berkurangan sebanyak 2.0% kepada defisit RM319.29 juta berbanding baki defisit berjumlah RM325.69 juta pada tahun 2010. Hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2010 juga telah menurun sejumlah RM181.40 juta atau 17.7% berbanding tahun 2010 iaitu daripada sejumlah RM1,023.17 juta menjadi RM841.77 juta. Prestasi perbelanjaan pula telah menurun sejumlah RM29.44 juta atau 3.4% menjadi RM835.37 juta pada tahun 2011 berbanding RM864.81 juta pada tahun 2010. Kerajaan Negeri perlu mengekalkan perbelanjaan secara berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri serta berusaha menambahkan sumber pendapatan. Tindakan mengutip tunggakan hasil perlu diteruskan kerana jumlah tunggakan hasil pada tahun 2011 berjumlah RM160.81 juta telah menurun sejumlah RM15.09 juta atau 8.6% berbanding RM175.90 juta pada tahun 2010. Selain itu, tindakan yang lebih berkesan

perlu diambil untuk menuntut tunggakan pinjaman daripada Perbadanan Johor yang berjumlah RM75.14 juta.

4.10.2. Kerajaan Negeri perlu mempertingkatkan dan memperkukuhkan lagi prestasi kewangannya supaya sumber pendapatan yang diperoleh berterusan dapat menampung perbelanjaan mengurus dan menanggung tanggungan semasa. Penetapan *Key Performance Indicator* (KPI) dan operasi semua syarikat subsidiari perlu dipantau dengan tegas untuk memastikan pelaburan Kerajaan Negeri dalam syarikat subsidiari tersebut memberi pulangan yang sewajarnya.



Bahagian III

Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri

5. PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-10

5.1. Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Negeri Johor untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2011 hingga 2015. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Johor iaitu untuk mencapai pembangunan mampan dengan jaminan bahawa rakyatnya dapat menikmati urus tadbir yang baik, kualiti hidup yang tinggi dan tahap keperkasaan yang tinggi. Ia adalah signifikan ke arah menggerakkan Negeri Johor mencapai status negeri maju pada tahun 2020.

5.2. Bagi menjayakan RMKe-10, siling peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM1,816.30 juta untuk diagihkan kepada 13 Jabatan Negeri bagi pelaksanaan projek yang dirancang. Tiga daripada 13 Jabatan Negeri yang menerima peruntukan tertinggi adalah Jabatan Kerja Raya berjumlah RM586.50 juta atau 32.3%, Pejabat Menteri Besar berjumlah RM433.90 juta atau 23.9% dan Jabatan Agama Johor berjumlah RM228.30 juta atau 12.6%. Pembahagian peruntukan perbelanjaan pembangunan RMKe-10 adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan RMKe-10

Bil.	Jabatan Pelaksana	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)
1.	Jabatan Kerja Raya	586.50
2.	Pejabat Menteri Besar	433.90
3.	Jabatan Agama Johor	228.30
4.	Pejabat Daerah Dan Tanah	165.00
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	149.00
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	59.50
7.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Kerajaan Tempatan)	53.00
8.	Jabatan Perhutanan	41.50
9.	Jabatan Pertanian	40.50
10.	Jabatan Pelancongan	25.00
11.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Perumahan)	20.70
12.	Jabatan Landskap	10.20
13.	Jabatan Perikanan	3.20
Jumlah		1,816.30

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

5.3. Analisis Audit menunjukkan 8 jabatan telah mencapai prestasi perbelanjaan melebihi 80% daripada peruntukan yang diluluskan tahun 2011. Sebanyak 3 jabatan telah

membelanjakan 55.0% hingga 64.3% manakala 2 jabatan lain membelanjakan 39.1% hingga 41.7% iaitu Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Perikanan. Prestasi perbelanjaan pembangunan tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2011

Bil.	Jabatan Pelaksana	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Jabatan Landskap	1.95	1.95	100.0
2.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	20.25	20.17	99.6
3.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	8.15	8.12	99.6
4.	Pejabat Daerah Dan Tanah	31.00	30.42	98.1
5.	Jabatan Pelancongan	4.00	3.83	95.8
6.	Pejabat Menteri Besar	103.70	96.76	93.3
7.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Kerajaan Tempatan)	10.36	9.32	90.0
8.	Jabatan Pertanian	7.15	5.96	83.4
9.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Perumahan)	2.41	1.55	64.3
10.	Jabatan Perhutanan	5.33	3.17	59.5
11.	Jabatan Agama Johor	22.17	12.20	55.0
12.	Jabatan Kerja Raya	147.45	61.50	41.7
13.	Jabatan Perikanan	0.64	0.25	39.1
Jumlah		364.56	255.20	70.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

5.4. Pencapaian Pelaksanaan Projek


5.4.1. Sebanyak 9,790 projek telah dirancang untuk dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 9,593 projek atau 98.0% telah siap dilaksanakan, manakala 185 projek atau 1.9% sedang dilaksanakan. Sebanyak 12 projek atau 0.1% lagi masih belum dimulakan atau ditangguhkan. Projek-projek tersebut adalah 4 program pembangunan usahawan industri asas tani dan khidmat sokongan teknikal bagi Jabatan Pertanian, 4 projek bagi pengurusan sumber hutan dan pusat kecemerlangan perhutanan bagi Jabatan Perhutanan, 3 projek bagi pembinaan Kompleks Pejabat Agama, Balai Cerap dan Kompleks Jabatan Mufti bagi Jabatan Agama serta satu projek bagi pembinaan unjam/tukun bagi Jabatan Perikanan. Antara sebab projek tersebut belum dimulakan atau ditangguhkan ialah permohonan tidak mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri, kelulusan Pegawai Kewangan Negeri lewat diterima, projek masih dalam pemilihan tapak dan penyediaan reka bentuk. Pencapaian RMKe-10 bagi tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 5.3** dan **Carta 5.1**.

Jadual 5.3
Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-10 Tahun 2011

Bil.	Jabatan	Bilangan Projek Dirancang	Projek Siap	Projek Sedang Dilaksanakan	Projek Belum Mula/Tangguh
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Pejabat Daerah Dan Tanah	9,002	8,859	143	-
2.	Jabatan Kerja Raya	31	2	29	-
3.	Jabatan Agama Johor	16	1	12	3
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	14	14	-	-
5.	Jabatan Pertanian	498	494	-	4
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	42	42	-	-
7.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Kerajaan Tempatan)	72	72	-	-
8.	Jabatan Perhutanan	31	26	1	4
9.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Perumahan)	29	29	-	-
10.	Jabatan Pelancongan	32	32	-	-
11.	Jabatan Landskap	18	18	-	-
12.	Jabatan Perikanan	5	4	-	1
Jumlah		9,790	9,593	185	12

Sumber: Rekod Jabatan/Pejabat Negeri

Carta 5.1
Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-10
Bagi Tahun 2011



Sumber: Rekod Jabatan/Pejabat Negeri

5.4.2. Lima projek terbesar yang belum dimulakan pada tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 5.4.**


Jadual 5.4
Projek Belum Mula Tahun 2011

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM Juta)	Sebab Belum Mula
1.	Membina Bangunan Jabatan Mufti Negeri Johor	20.00	Masih dalam proses pemilihan tapak kerana tapak asal tidak bersesuaian.
2.	Membina Kompleks Pejabat Agama Daerah Kota Tinggi	10.00	Projek seliaan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan masih dalam proses penyediaan reka bentuk.
3.	Membina Kompleks Balai Cerap Negeri Johor, Bukit Tanjung Gemuk, Sedili, Kota Tinggi	10.00	Dalam proses reka bentuk oleh pihak JKR.
4.	Membina Kompleks Kecemerlangan Dan Latihan Perhutanan Negeri Johor	0.50	Tidak menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri dan akan menggunakan peruntukan daripada Perbadanan Islam Johor sebanyak RM1.50 juta.
5.	Pembelian Kenderaan Di Bawah Khidmat Sokongan Teknikal	0.46	Tidak mendapat kelulusan daripada pihak Pegawai Kewangan Negeri

Sumber: Rekod Jabatan/Pejabat Negeri

5.5. RUMUSAN

Pada keseluruhannya, pencapaian perbelanjaan RMKe-10 bagi tahun pertama sehingga akhir tahun 2011 adalah baik di mana sejumlah RM255.20 juta atau 70.0% daripada RM364.56 juta yang diperuntukkan bagi 13 Jabatan telah dibelanjakan. Prestasi projek pula secara fizikal adalah baik di mana sebanyak 9,593 projek atau 98.0% telah siap dilaksanakan bagi tahun 2011 walaupun masih terdapat 185 atau 1.9% projek sedang dilaksanakan dan 12 projek belum mula. Pelaksanaan projek pembangunan yang lancar akan dapat mempertingkatkan lagi taraf hidup rakyat Negeri Johor.



Bahagian IV

Pencapaian
Pengurusan Kewangan
Jabatan/Agensi Negeri

6. PENDAHULUAN

6.1. Seksyen 15(A), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperolehi, digunakan dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

6.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Negeri.

7. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI

Pada tahun 2011, beberapa usaha penambahbaikan/pembaharuan telah diambil oleh Jabatan/Agensi Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan. Antara langkah yang diambil adalah seperti di **Jadual 7.1**.

Jadual 7.1

Usaha Penambahbaikan/Pembaharuan Yang Telah Diambil Oleh Jabatan/Agensi Negeri

Bil.	Jabatan/Agensi Negeri	Keterangan Penambahbaikan/Pembaharuan
1.	Pejabat Tanah Dan Galian Johor (PTG)	i. Bahagian Pendaftaran Hak Milik: <ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhan Pejabat Tanah Di Negeri Johor telah berjaya melaksanakan proses pendaftaran hak milik dalam tempoh sehari (<i>one day delivery on title</i>) dan telah mendapat pengiktirafan tertinggi daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. ii. Sistem Maklumat Strata Negeri Johor (SMSJ): <ul style="list-style-type: none"> • Prosedur Hak Milik Strata dipatuhi sepenuhnya. • Boleh dilayari dengan cepat dan berkesan. • Memperkemaskan standard Borang 4 Hak Milik Strata supaya kadar semasa RM30 dapat dinaikkan kepada RM50 bagi setiap hak milik/petak. • Hak Milik Strata dapat disesuaikan dengan keadaan Hak Milik Pendaftaran yang menggunakan Sistem Pendaftaran

Bil.	Jabatan/Agensi Negeri	Keterangan Penambahbaikan/Pembaharuan
		<p>Terbuka.</p> <ul style="list-style-type: none"> Seiring dengan penggunaan E-Kadastera oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Johor (JUPEM).
2.	Pejabat Daerah Pontian	i. Unit ICT Negeri Johor sedang dalam peringkat akhir untuk melaksanakan Sistem e-Lesen.
3.	Pejabat Tanah Kota Tinggi	<p>i. Telah mewujudkan Buku Rekod Suratcara dalam usaha memantau keaslian tandatangan pemilik tanah pada Borang 14A.</p> <p>ii. Penyerah dan penerima dikehendaki memberikan persetujuan dengan menggunakan kaedah cap jari.</p>
4.	Pejabat Tanah Daerah Kulaijaya	<p>i. Mengamalkan sistem QE 5S bagi memudahkan sistem pengurusan dokumen dan pemfailan di setiap bahagian.</p> <p>ii. Melaksanakan MS ISO 9001:2008 dan mendapat pensijilan pada 1 Julai 2011 yang melibatkan 22 prosedur di semua bahagian.</p>
5.	Perbadanan Islam Johor (PIJ)	i. Proses penyediaan Peraturan Kewangan Perbadanan Islam Johor di peringkat 90% hampir siap dan akan disemak oleh Jabatan Audit Negara Johor sebelum dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PIJ untuk kelulusan.
6.	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	<p>i. Cop terimaan dokumen tidak dibuat di kaunter atau berada di tempat yang tidak mudah dicapai oleh orang awam bagi menangani isu kurang penyeliaan berkaitan cop penerimaan dokumen.</p> <p>ii. Pegawai yang menandatangani penerimaan dokumen hendaklah menurunkan tandatangan dan cop nama pada dokumen.</p>

Sumber: Jabatan Audit Negara

8. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

8.1. Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri. Bagi Jabatan, aspek peraturan kewangan yang dinilai adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset, dan Stor. Manakala bagi Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri serta Agensi Negeri pula, selain daripada 6 aspek tersebut, aspek lain yang turut dinilai ialah Kawalan Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan. Setiap aspek yang diperiksa/dinilai akan diberikan markah dan Jabatan/Agensi Negeri yang dinilai akan

ditentukan tahap penarafan atau *ranking* berdasarkan jumlah markah keseluruhan yang diperoleh seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 – 89	Baik	
50 – 69	Memuaskan	
49 dan ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

- 8.2.1. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- 8.2.2. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan inventori, pelaburan serta pinjaman.
- 8.2.3. Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- 8.2.4. Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

8.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pada tahun 2011, pengauditan telah dijalankan di 26 Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan pusingan, manakala pengauditan setiap tahun dilaksanakan terhadap 3 Jabatan/Agensi Negeri iaitu Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor, Perbadanan Johor dan Majlis Agama Islam Negeri Johor. Mulai tahun 2011, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor telah ditetapkan sebagai Jabatan Negeri yang wajib diaudit pada setiap tahun. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2011 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011 dan Penyata Kewangan

Agensi Negeri Tahun 2010/2011 bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

8.4. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 15 Jabatan adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 6 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit; dan Pengurusan Aset Dan Stor. Bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor dan Agensi Negeri selain 6 kawalan di atas, kawalan terhadap Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan juga turut dibuat. Penjelasan lanjut mengenai kawalan-kawalan tersebut adalah seperti berikut:

8.4.1. Kawalan Pengurusan

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

8.4.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini seperti mana yang ditetapkan di Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan senarai tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

8.4.1.2. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- b. Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- c. Pemeriksaan mengejut (seperti yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

8.4.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Jabatan/Agensi Kerajaan. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2008 menetapkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah melantik seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri bagi membantu Ketua Jabatan memantapkan pencapaian pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif masing-masing selewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat JPKA dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

c. Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009, Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kementerian dan Jabatan bagi tujuan untuk memastikan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan adalah berlandaskan kepada pentadbiran yang berintegriti, tadbir urus terbaik, tiada kerenah birokrasi dan terhindar dari kelemahan pentadbiran serta gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Antara lain, Ketua Jabatan hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan, bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam masa 4 bulan dan perlu diadakan dalam bulan Januari, Mei dan September setiap tahun, membincangkan perkara yang telah ditetapkan, menyediakan laporan maklum balas suku tahun dan mengemukakannya kepada Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus Kerajaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan.

d. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

8.4.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/pencapaian bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

8.4.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan/Agensi Negeri dikeluarkan melalui Pekeliling Perbendaharaan Negeri Johor Bil. 4 Tahun 2010 mengenai Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Bajet Tahun 2011- 2012. Selain itu, AP 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran; prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

8.4.2.2. Pengagihan Peruntukan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2007 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

8.4.2.3. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat daripada 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

8.4.2.4. Pemantauan Kemajuan/Pencapaian Projek

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II atau kaedah lain yang diterima pakai, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

8.4.2.5. Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

8.4.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

8.4.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

8.4.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

8.4.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

8.4.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan di AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

8.4.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi penyelenggaraan serta pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 dan beberapa AP. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

8.4.4. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

8.4.4.1. Perakaunan

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan.

8.4.4.2. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan pengurusan perolehan

Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

8.4.4.3. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran, kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

8.4.5. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

8.4.5.1. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian kumpulan wang amanah/akaun amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan penyata tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

8.4.5.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- a. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 dan 8 Tahun 1993.
- b. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992.
- c. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993.
- d. Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1990.

8.4.5.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163.

8.4.6. Pengurusan Aset, Inventori Dan Stor

Perolehan aset dan inventori perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara-perkara berikut:

8.4.6.1. Kawalan Umum

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaraskan penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

8.4.6.2. Penerimaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, satu salinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan pada Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan.

8.4.6.3. Pendaftaran

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Milik Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

8.4.6.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- b. Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.
- c. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
- d. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- e. Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.
- f. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

8.4.6.5. Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset diselenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang;

penyenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap; program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.

- b. Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual, manakala kos penyenggaraan dan pembaikan perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

8.4.6.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang memberi kelulusan. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

8.4.6.7. Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyediakan Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada

Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.

- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan Jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperolehi. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

8.4.7. Pengurusan Pelaburan

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

8.4.8. Pengurusan Pinjaman

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dipohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

8.4.9. Penyata Kewangan

Kerajaan Negeri Johor telah mengarahkan supaya Penyata Kewangan Tahunan Agensi Negeri disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara pada atau sebelum 30 Mac setiap tahun. Ini bagi membolehkan penyata kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai pencapaian Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

8.5. PENEMUAN AUDIT

8.5.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Pada tahun 2011, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan terhadap 26 Jabatan/Agensi Negeri berbanding 21 Jabatan/Agensi Negeri pada


tahun 2010. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2007 hingga 2011 secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 8.2**, manakala tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2011 adalah seperti di **Carta 8.1**.

Jadual 8.2
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri
Bagi Tahun 2007 Hingga 2011

Tahap Penarafan	Bilangan Jabatan/Agensi Negeri				
	2007	2008	2009	2010	2011
Sangat Baik	1	2	2	2	5
Baik	3	16	13	19	19
Memuaskan	4	1	4	-	2
Tidak Memuaskan	-	-	-	-	-
Jumlah	8	19	19	21	26

Sumber: Jabatan Audit Negara

Carta 8.1
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti
Jabatan/Agensi Negeri Pada Tahun 2011




Sumber: Jabatan Audit Negara

8.5.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

8.5.2.1. Jabatan

- a. Semakan Audit di 15 Jabatan Negeri mendapati 2 Jabatan mencatatkan tahap sangat baik, sebanyak 6 Jabatan memperoleh tahap baik, 6 Jabatan pada tahap memuaskan dan satu Jabatan pada tahap tidak memuaskan dalam Kawalan Pengurusan. Bagi Kawalan Bajet pula, sebanyak 14 Jabatan memperoleh tahap sangat baik dan 1 Jabatan pada tahap baik. Selain itu, 9 Jabatan memperoleh tahap sangat baik dalam Kawalan Terimaan, manakala 3 Jabatan pada tahap baik dan 2 Jabatan pada tahap memuaskan. Bagi Kawalan Perbelanjaan, 6 Jabatan memperoleh tahap sangat baik, 7 Jabatan mencatatkan tahap baik dan 2 Jabatan pada tahap memuaskan. Sebanyak 6 Jabatan memperoleh tahap sangat baik dalam Pengurusan Amanah Dan Deposit, manakala 4 Jabatan mencatatkan tahap baik, 2 Jabatan pada tahap memuaskan dan 3 Jabatan pada tahap tidak memuaskan. Bagi Pengurusan Aset Dan Stor, tiada jabatan memperoleh tahap sangat baik di mana 3 Jabatan memperoleh tahap baik, 9 Jabatan pada tahap memuaskan dan 3 Jabatan pada tahap tidak memuaskan. Tahap pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi Jabatan adalah seperti di **Carta 8.2**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Kelemahan-kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:
- Kawalan Pengurusan**
 - Carta Organisasi Unit Kewangan tidak disediakan.
 - Carta Organisasi tidak dipamerkan.

- Manual Prosedur Kerja tidak kemas kini.
- Fail Meja tidak lengkap.
- Pemeriksaan Mengejut tidak pernah dijalankan.
- Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus tidak ditubuhkan.

ii. Pengurusan Amanah Dan Deposit

- Akaun Amanah tidak dikemukakan kepada pihak Audit sebelum 31 Mac.
- Buku Akaun Utama Deposit tidak diselenggarakan dengan lengkap.
- Penyata Penyesuaian Deposit tidak disediakan.
- Tindakan pewartaan deposit yang tidak aktif belum diambil.


iii. Pengurusan Aset Dan Stor

- Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan tidak ditubuhkan/tidak bermesyuarat setiap 3 bulan.
- Aset tidak didaftarkan.
- Aset tidak dilabelkan dengan nombor siri pendaftaran.
- Laporan Tahunan Harta Modal Dan Inventori lewat disediakan.
- Buku Log kenderaan tidak diselenggarakan dengan lengkap.
- Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak dan Buku Daftar Penggunaan Kad *Touch N Go* tidak diselenggarakan dengan lengkap.
- Kerosakan aset tidak dilaporkan menggunakan Borang Aduan Kerosakan Aset (Kew.PA-9).
- Pemeriksaan terhadap aset tidak dibuat.
- Daftar Senarai Aset Yang Memerlukan Penyelenggaraan tidak diselenggarakan.
- Aset yang rosak tidak dilupuskan.

8.5.2.2. Pejabat Perbendaharaan Negeri Dan Agensi Negeri

- a. Secara keseluruhannya, Pejabat Perbendaharaan Negeri mencapai tahap sangat baik dalam 6 daripada 9 kawalan utama, manakala Kawalan Pengurusan, Pengurusan Amanah Dan Deposit dan Pengurusan Pinjaman adalah di tahap baik. Tahap pencapaian pengurusan kewangan bagi 10 Agensi Negeri mendapati 8 daripadanya mencapai tahap sangat baik dalam Kawalan Bajet dan Kawalan Terimaan. Bagi Kawalan Perbelanjaan dan Pengesahan Penyata Kewangan, hanya 3 Agensi Negeri memperoleh tahap sangat baik berbanding 7 Agensi Negeri yang memperoleh tahap baik. Bagaimanapun, terdapat 2 Agensi Negeri yang mencatatkan tahap tidak memuaskan dalam Pengurusan Aset Dan Stor dan satu Agensi memperoleh tahap tidak memuaskan dalam Pengurusan Pelaburan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Carta 8.3**.

Carta 8.3
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan
Bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor Dan Agensi Negeri Tahun 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara

b. Kelemahan-kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

i. Pengurusan Aset Dan Stor

- Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan tidak bermesyuarat setiap 3 bulan.
- Penerimaan aset bukan oleh Pegawai Penerima.
- Aset tidak dilabelkan hak milik agensi dan nombor siri pendaftaran.
- Buku Log tidak lengkap dan kemas kini.
- Kad Inden Minyak tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan.
- Daftar Kad *Touch N Go* dan Daftar Penggunaan Kad *Touch N Go* tidak diselenggarakan dengan lengkap.


ii. Pengurusan Pelaburan

- Tiada polisi dan prosedur berkaitan pelaburan disediakan.

8.5.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

Tiga Jabatan/Agensi Negeri yang wajib diaudit setiap tahun adalah Perbadanan Johor, Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor. Mulai tahun 2011, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor telah ditetapkan sebagai Jabatan Negeri yang wajib diaudit pada setiap tahun. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi kesemua 4 Jabatan/Agensi wajib adalah bertambah baik pada tahun 2011 berbanding tahun sebelumnya kecuali Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor) yang memperoleh tahap memuaskan. Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor dan


Perbadanan Johor telah menunjukkan pencapaian pengurusan kewangan pada tahap sangat baik. Perbadanan Johor telah memperoleh tahap prestasi pengurusan kewangan sangat baik bagi tempoh 5 tahun iaitu pada tahun 2007 hingga 2011 tetapi dengan penurunan prestasi yang kurang ketara sebanyak 2.9%. Ini berlaku kerana penambahbaikan dalam aspek Kawalan Perbelanjaan dan Pengurusan Pinjaman diimbangkan dengan kelemahan yang wujud dalam aspek Pengesahan Penyata Kewangan dan Pengurusan Amanah Dan Deposit. Majlis Agama Islam Negeri Johor mencatatkan prestasi tahap baik pada tahun 2011 dengan peningkatan pengurusan kewangannya sebanyak 10.86% berbanding tahun 2010 selepas mengambil tindakan pembetulan terhadap ketidakpatuhan yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Kedudukan trend tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi yang wajib diaudit bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Carta 8.4**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

Pada tahun 2011, sebanyak 15 daripada 18 Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit untuk kali kedua juga telah menunjukkan peningkatan pencapaian dalam pengurusan kewangannya. Analisis Audit mendapati 15 daripada 18 Jabatan/Agensi Negeri menunjukkan peningkatan antara 0.1% hingga 19.7% manakala baki 3 Jabatan/Agensi Negeri menunjukkan penurunan antara 0.66% hingga 5.5%. Majlis Perbandaran Batu Pahat telah mengekalkan tahap sangat baik pada tahun 2011 manakala Perbadanan Islam Johor dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah berjaya mencapai tahap sangat baik pada tahun 2011 berbanding tahap baik pada tahun 2008. Yayasan Warisan Negeri Johor telah menunjukkan peningkatan yang ketara (19.7%) pada tahun 2011 kerana mencapai tahap baik berbanding tahap memuaskan pada tahun sebelumnya (2007). Ini berlaku kerana terdapat penambahbaikan dalam aspek Kawalan Terimaan, Pengurusan Pelaburan dan Pengurusan Pinjaman. Sementara itu, sebanyak 3 Jabatan/Agensi Negeri lain iaitu Jabatan Perhutanan Negeri Johor, Pejabat Tanah Muar dan Majlis Daerah Pontian masih kekal pada tahap baik pada tahun 2011.

Namun begitu, markah yang diperolehi ketiga-tiga Jabatan/Agensi berkenaan telah menunjukkan penurunan antara 0.7% hingga 5.5%. Kedudukan trend tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi yang diaudit bagi pusingan kali kedua adalah seperti di **Carta 8.5**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

8.6. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

Arahan Perbendaharaan menetapkan ketua jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barangan berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Ketua jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pemeriksaan audit mengejut di 25 Jabatan/Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Agensi Negeri seperti di **Jadual 8.3**.

Jadual 8.3
Jabatan /PTJ Dan Agensi Negeri Yang Dipilih Untuk
Pemeriksaan Audit Mengejut Bagi Tahun 2011

Bil.	Jabatan/PTJ/Agensi Negeri
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
2.	Unit Pinjaman – Perbendaharaan Negeri
3.	Pejabat Tanah Johor Bahru
4.	Pejabat Tanah Kulaijaya
5.	Pejabat Tanah Ledang
6.	Pejabat Tanah Muar
7.	Pejabat Tanah Batu Pahat
8.	Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor
9.	Pejabat Tanah Daerah Kecil Yong Peng
10.	Pejabat Agama Daerah Kluang
11.	Pejabat Agama Daerah Ledang
12.	Pejabat Agama Daerah Segamat
13.	Pejabat Agama Johor
14.	Jabatan Kerja Raya Daerah Muar
15.	Jabatan Kerja Raya Daerah Mersing
16.	Jabatan Kerja Raya Daerah Batu Pahat
17.	Pejabat Pendidikan Agama Kota Tinggi
18.	Pejabat Pertanian Daerah Pontian
19.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Mersing
20.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Mersing
21.	Pejabat Perhutanan Johor Bahru
22.	Pejabat Perbadanan Perpustakaan Awam Daerah Batu Pahat
23.	Majlis Agama Islam Daerah Kluang
24.	Majlis Agama Islam Daerah Kulaijaya
25.	Majlis Agama Islam Daerah Batu Pahat

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.6.1. Penemuan Audit

Hasil daripada pemeriksaan mengejut yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya, kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di **Jadual 8.4**.

Jadual 8.4

Isu Audit Hasil Pemeriksaan Audit Mengejut Bagi Tahun 2011

Bil.	Isu Audit	Jabatan/Pejabat Yang Terlibat
1.	Wang Tunai	
	a. Wang kutipan berjumlah RM255,540 lewat dibankkan antara 1 hingga 18 hari.	i. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Mersing ii. Pejabat Agama Daerah Segamat iii. Pejabat Tanah Batu Pahat iv. Majlis Agama Islam Daerah Kluang v. Majlis Agama Islam Daerah Kulaijaya vi. Majlis Agama Islam Daerah Batu Pahat
	b. Tiada tanda semakan slip bayar masuk ke bank telah disemak oleh Ketua Jabatan atau wakilnya.	i. Jabatan Kerja Raya Daerah Batu Pahat
	c. Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan.	i. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Mersing ii. Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Mersing iii. Pejabat Agama Daerah Ledang iv. Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia v. Pejabat Pertanian Daerah Pontian vi. Jabatan Kerja Raya Daerah Mersing vii. Majlis Agama Islam Daerah Kulaijaya viii. Majlis Agama Islam Daerah Batu Pahat
	d. Notis pemberitahuan kepada orang awam supaya meminta resit tidak dipaparkan.	i. Pejabat Pertanian Daerah Pontian ii. Jabatan Kerja Raya Daerah Mersing
	e. Ciri-ciri keselamatan kaunter pungutan hasil tidak mencukupi – tiada pengawal keselamatan atau CCTV.	i. Majlis Agama Islam Daerah Kluang ii. Majlis Agama Islam Daerah Batu Pahat
	f. Buku resit yang sedang digunakan serta yang disimpan tidak disemak, diperakukan dan ditandatangani sebelum ia digunakan.	i. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Mersing
	g. Buku Tunai belum dikemaskinikan	i. Pejabat Perbadanan Perpustakaan Awam Daerah Batu Pahat
	h. Laporan tutup harian (daerah) tidak dicetak untuk tujuan pengesahan dan semakan oleh <i>cashier</i> dan pegawai penyelia.	i. Majlis Agama Islam Daerah Kluang ii. Majlis Agama Islam Daerah Batu Pahat
	i. Laporan tutup harian (daerah) tidak disahkan oleh <i>cashier</i> dan pegawai penyelia pada penghujung hari sebelum hasil kutipan dibankkan.	i. Majlis Agama Islam Daerah Kulaijaya
	j. Kutipan yang lewat dibankkan tidak disimpan di dalam peti besi sebaliknya di dalam laci berkunci Pembantu Akauntan.	i. Pejabat Agama Daerah Segamat
	k. Kelulusan bertulis tidak diberikan kepada pegawai yang memungut hasil dan menyediakan slip bayaran masuk.	i. Majlis Agama Islam Daerah Kluang
	l. Tiada kelulusan khas diperolehi daripada KPE bagi 2 orang pegawai pemungut hasil yang turut ditugaskan untuk menyediakan slip bayaran masuk.	i. Majlis Agama Islam Daerah Kulaijaya
	m. Kata laluan dalam sistem SPEKS bagi 3 pegawai yang bertukar pejabat telah dimaklumkan kepada Bendahari Negeri tetapi pembatalan masih belum dibuat.	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Bil.	Isu Audit	Jabatan/Pejabat Yang Terlibat
	n. Daftar Mel tidak diselenggarakan dengan teratur seperti tidak lengkap, tidak kemas kini dan tidak disemak oleh Pegawai Penyelia.	i. Pejabat Agama Johor ii. Pejabat Tanah Daerah Ledang
	o. Wang kutipan hasil berjumlah RM500 telah digunakan untuk pembayaran bantuan segera.	i. Majlis Agama Islam Daerah Kulaijaya
2.	Panjar Wang Runcit	
	a. Lebihan panjar sejumlah RM917.32 telah wujud semenjak bulan Julai 2010 yang masih belum diambil tindakan untuk dikreditkan sebagai hasil Kerajaan.	i. Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Mersing
	b. Rekupmen yang belum diterima bagi 2 baucar berjumlah RM72.70 telah melebihi tempoh sebulan.	i. Pejabat Agama Daerah Ledang
	c. Jumlah yang direkup bagi Panjar Wang Runcit lewat diterima antara 1 hingga 7 bulan.	i. Majlis Agama Islam Daerah Kluang ii. Majlis Agama Islam Daerah Batu Pahat
	d. Rekupmen tidak dilakukan dengan kerap di mana rekupmen terakhir dilakukan pada 5 Oktober 2010 berjumlah RM495.	i. Pejabat Pendidikan Agama Daerah Kota Tinggi
	e. Tiada bukti menunjukkan bil tunai berjumlah RM115.40 telah disahkan bagi tujuan urusan rasmi Kerajaan dan diluluskan pembayaran menggunakan Panjar Wang Runcit.	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
	f. Baki fizikal panjar wang runcit tidak bersamaan dengan baki dalam Daftar Panjar Wang Runcit.	i. Pejabat Pertanian Daerah Pontian
	g. Pegawai mengendali Panjar Wang Runcit menerima wang rekupmen melalui sistem dibankkan ke dalam akaun peribadi pegawai. Baki tunai Panjar Wang Runcit bercampur dengan wang peribadi pegawai dan tidak dapat disahkan.	i. Pejabat Perbadanan Perpustakaan Awam Daerah Batu Pahat
	h. Buku Panjar Wang Runcit tidak dikemaskinikan.	i. Pejabat Perbadanan Perpustakaan Awam Daerah Batu Pahat ii. Pejabat Tanah Muar iii. Pejabat Pendidikan Agama Daerah Kota Tinggi
	i. Sebanyak 3 bil berjumlah RM200 (Panjar Wang Runcit Saudara Baru) dan 10 bil berjumlah RM1,450 (Panjar Wang Runcit Bantuan Segera) telah dibelanjakan tetapi belum direkodkan ke dalam buku tunai Panjar Wang Runcit.	i. Majlis Agama Islam Daerah Kulaijaya
	j. Surat had kelulusan Wang Panjar Runcit dan nama pegawai bertanggungjawab tidak dikemukakan.	i. Jabatan Kerja Raya Daerah Mersing ii. Jabatan Kerja Raya Daerah Batu Pahat iii. Jabatan Kerja Raya Daerah Muar
	k. Peti wang tunai panjar hanya menggunakan bekas plastik.	i. Jabatan Kerja Raya Daerah Batu Pahat
	l. Penyata Penyesuaian Panjar Wang Runcit tidak disediakan setiap bulan terhadap semua	i. Majlis Agama Islam Daerah Kulaijaya

Bil.	Isu Audit	Jabatan/Pejabat Yang Terlibat
	Panjar Wang Runcit.	
3.	Panjar Seperdua Belas	
	a. Sijil Perakuan Panjar dan penyata penyesuaian tidak disediakan.	i. Pejabat Agama Johor
	b. Buku Panjar tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	i. Pejabat Agama Johor
4.	Amanah/Deposit	
	a. Daftar/buku tunai bagi akaun deposit tidak dikemas kini.	i. Pejabat Tanah Johor Bahru
	b. Senarai Baki Individu bagi akaun deposit tidak dikemukakan kepada pihak wakil Ketua Audit Negara.	i. Pejabat Tanah Johor Bahru
5.	Baucar Bayaran	
	Baucar bayaran dan dokumen sokongan Panjar Wang Runcit tidak dicap 'TELAH DIBAYAR'.	i. Majlis Agama Islam Daerah Kluang ii. Majlis Agama Islam Daerah Kulaijaya
6.	Wang Untuk Dibahagikan	
	a. Wang tunai bantuan tidak diagihkan dalam tempoh 21 hari kepada penerima dan tidak dipulangkan semula kepada Perbendaharaan Negeri.	i. Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Mersing
	b. Wang tunai bantuan berjumlah RM10,750 belum dibankkan ke akaun bank penerima.	
	c. Terdapat wang agihan belum diagihkan dan yang tidak dapat diagihkan tidak dikembalikan ke Ibu Pejabat (Tatacara MAI - Baki yang tidak dapat diagihkan dalam tempoh 21 hari hendaklah dikembalikan kepada Ibu Pejabat Majlis).	i. Majlis Agama Islam Daerah Kluang ii. Majlis Agama Islam Daerah Kulaijaya iii. Majlis Agama Islam Daerah Batu Pahat
7.	Setem	
	a. Daftar Setem tidak disediakan/tidak lengkap/tidak kemas kini.	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia ii. Pejabat Agama Daerah Segamat iii. Pejabat Agama Daerah Ledang iv. Pejabat Tanah Johor Baru v. Pejabat Tanah Muar vi. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Mersing vii. Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Mersing viii. Pejabat Pendidikan Agama Daerah Kota Tinggi
	b. Pengeluaran setem tidak diakui terima oleh pemohon serta tiada bukti pengesahan oleh penjaga setem.	i. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Mersing ii. Pejabat Tanah Muar
	c. Penyata Penyesuaian setem tidak dibuat setiap bulan.	i. Pejabat Tanah Daerah Ledang ii. Pejabat Tanah Batu Pahat iii. Pejabat Agama Johor iv. Pejabat Agama Daerah Ledang v. Jabatan Kerja Raya Daerah Muar vi. Jabatan Kerja Raya Daerah Batu Pahat vii. Pejabat Pendidikan Agama Daerah Kota Tinggi
	d. Pengesahan baki setem tidak dibuat setiap bulan.	i. Pejabat Tanah Daerah Ledang ii. Jabatan Kerja Raya Daerah Mersing iii. Jabatan Kerja Raya Daerah Batu Pahat

Bil.	Isu Audit	Jabatan/Pejabat Yang Terlibat
8.	Mesin Franking	
	a. Baki di Docket Pengeposan Mel Franking tidak disahkan oleh Ketua Jabatan.	i. Pejabat Agama Johor
9.	Peti Besi	
	a. Peti besi tidak digunakan dan disimpan di dalam bilik stor kerana nombor kombinasi yang dibekalkan tidak berfungsi.	i. Pejabat Agama Daerah Segamat
	b. Peti besi tidak dicantumkan dan dikejat pada rangka dinding bangunan serta nombor kombinasi peti tidak ditukar 6 bulan sekali.	i. Majlis Agama Islam Daerah Kluang ii. Majlis Agama Islam Daerah Kulaijaya
	c. Daftar bagi menyenaraikan barang-barang berharga dalam peti besi tidak disediakan.	i. Pejabat Tanah Johor Bahru
	d. Peti besi hanya mempunyai satu kunci.	i. Pejabat Agama Daerah Ledang
	e. Kedua-dua kunci ada disimpan di pejabat. Peti besi hanya dibuka menggunakan kod kunci kombinasi.	i. Jabatan Kerja Raya Daerah Muar
	f. Peti besi tidak boleh dibuka kerana nombor kombinasi tidak sepadan dan kunci tiada dalam simpanan pegawai yang bertanggungjawab.	i. Pejabat Pendidikan Agama Daerah Kota Tinggi
	g. Pegawai bertanggungjawab kepada peti besi tidak dilantik dan tiada pengesahan dan perakuan kandungan peti besi.	i. Jabatan Kerja Raya Daerah Batu Pahat
10.	Lain-lain	
	a. Carta Organisasi tidak disediakan. Bilangan perjawatan yang diluluskan tidak dapat dibuktikan.	i. Pejabat Tanah Daerah Kecil Yong Peng
	b. Fail Meja bagi setiap pegawai tidak disediakan.	
	c. Terdapat aset dan inventori yang tidak dilabelkan dengan nombor siri pendaftaran dan tanda hak milik.	
	d. Terdapat aset yang tidak berfungsi dan tidak boleh digunakan semasa pemeriksaan fizikal dilakukan.	
	e. Senarai aset di lokasi tidak disediakan.	

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.6.2. Ketua Jabatan/PTJ yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang diperhatikan dan mereka telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya.

9. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan lagi pencapaian pengurusan kewangan, pertimbangan perlu diberi kepada perkara seperti berikut:

9.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit membincangkan secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan hasil perbincangannya kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

9.2. Penglibatan/penyeliaan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands-on* dalam urusan tersebut.

9.3. Pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah sekali dalam tempoh pusingan 3 tahun. Justeru itu, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan naziran dalaman berkala dijalankan untuk memantapkan lagi pengurusan kewangan.

9.4. Tindakan surcaj/tatatertib dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil/membuat bayaran yang tidak teratur. Tindakan juga patut diambil terhadap pegawai-pegawai yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai di bawah penyeliaan mereka yang gagal melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

9.5. Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.



Bahagian V

Penyerahan, Pengesahan,
Pembentangan
Penyata Kewangan Dan
Prestasi Kewangan
Agensi Negeri

10. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pengauditan dilaksanakan bagi mengesah dan memastikan penyata kewangan adalah bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang *material* serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan Akta dan Piawaian yang diluluskan.

10.1. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

10.1.1. Selaras dengan Seksyen 5(c) Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara melaksanakan pengauditan terhadap penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri bagi memastikan segala akaun serta rekod kewangan diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sehingga akhir tahun 2011, terdapat 13 Badan Berkanun Negeri, 15 Pihak Berkuasa Tempatan dan satu Majlis Agama Islam di Negeri Johor tertakluk di bawah pengauditan penyata kewangan oleh Jabatan Audit Negara. Bagaimanapun, penyata kewangan 11 Badan Berkanun Negeri dan 14 Pihak Berkuasa Tempatan diaudit oleh firma audit swasta yang dilantik oleh Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta adalah di bawah kuasa Ketua Audit Negara sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 7(3) Akta Audit 1957.

10.1.2. Bagi penyata kewangan yang diaudit oleh firma audit swasta, Jabatan Audit Negara akan memantau sebelum, semasa dan selepas pengauditan dilaksanakan bagi memastikan ia selaras dengan arahan yang ditetapkan. Sebelum pengauditan dilaksanakan, firma audit swasta dikehendaki menyediakan Memorandum Perancangan Audit dengan menyatakan antaranya pendekatan Audit, tempoh pengauditan dan pasukan Audit yang terlibat. Melalui memorandum ini, Jabatan Audit Negara dapat memastikan firma audit swasta mempunyai pendekatan dan liputan Audit yang mencukupi untuk melaksanakan pengauditan dalam tempoh yang ditetapkan.

10.1.3. Lawatan ke pejabat agensi semasa pengauditan dilaksanakan oleh firma audit swasta juga dilakukan bagi memastikan pasukan Audit yang terlibat terdiri daripada pegawai yang berkelayakan sebagaimana yang dinyatakan dalam Memorandum Perancangan Audit. Semasa lawatan, pihak firma audit swasta boleh berbincang dengan pihak Jabatan Audit Negara mengenai perkara berbangkit semasa pengauditan dilaksanakan. Perbincangan ini membolehkan perkara berbangkit yang kurang ketara dapat diselesaikan. Pada akhir pengauditan, firma audit swasta dikehendaki mengemukakan penemuan audit berserta fail kerja, laporan terperinci dan laporan juruaudit mengenai penyata kewangan yang diaudit. Fail kerja akan disemak untuk memastikan perkara ketara dibangkitkan dan bukti audit

adalah mencukupi serta memuaskan. Setiap akhir tahun, prestasi semua firma audit swasta akan dinilai dan diambil kira dalam membuat keputusan untuk ditawarkan bagi pengauditan penyata kewangan seterusnya.

10.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan hendaklah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara mengikut tempoh yang ditetapkan berdasarkan kepada Akta dan Enakmen yang berkaitan. Pada keseluruhannya, penyerahan penyata kewangan oleh agensi adalah baik di mana 26 daripada 29 Agensi Negeri telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2011 kepada Jabatan Audit Negara sehingga 7 Jun 2012. Daripada jumlah tersebut, 15 adalah daripada Pihak Berkuasa Tempatan, manakala 10 daripada Badan Berkanun Negeri dan satu daripada Majlis Agama Islam. Kedudukan penyerahan penyata kewangan sehingga 7 Jun 2012 bagi Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 10.1** dan **Jadual 10.2**.

Jadual 10.1

Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam Sehingga 7 Jun 2012

Bil.	Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam	Penyata Kewangan Yang Terakhir Diakui	Penyata Kewangan Yang Sedang Diaudit	Penyata Kewangan Belum Diterima
A. Badan Berkanun Negeri				
1.	Perbadanan Johor	2011	-	-
2.	Tabung Pembangunan Masjid Dan Amal Jariah Johor	2010	2011	-
3.	Yayasan Pelajaran Johor	2010	-	2011
4.	Perbadanan Islam Johor	2010	2011	-
5.	Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-orang Islam Negeri Johor	2011	-	-
6.	Yayasan Warisan Negeri	2010	-	2011
7.	Taman Ibrahim Muar	2011	-	-
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Johor	2010	2011	-
9.	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim	2010	2011	-
10.	Perbadanan Stadium Johor	2010	2011	-
11.	Perbadanan Taman Negara Johor	2010	2011	-
12.	Perbadanan Bioteknologi Dan Biodiversiti Negeri Johor	2010	2011	-
13.	Majlis Sukan Negeri Johor	-	1993-2003	2004-2011
B. Majlis Agama Islam				
1.	Majlis Agama Islam Negeri Johor	2010	2011	-

Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 10.2
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan
Sehingga 7 Jun 2012

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Kewangan Yang Terakhir Diakui	Penyata Kewangan Yang Sedang Diaudit	Penyata Kewangan Belum Diterima
1.	Majlis Daerah Pontian	2011	2010	-
2.	Majlis Daerah Segamat	2010	2011	-
3.	Majlis Daerah Tangkak	2010	2011	-
4.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	2010	2011	-
5.	Majlis Perbandaran Batu Pahat	2010	2011	-
6.	Majlis Perbandaran Muar	2010	2011	-
7.	Majlis Perbandaran Kluang	2010	2011	-
8.	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	2010	2011	-
9.	Majlis Perbandaran Kulai	2010	2011	-
10.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	2011	-	-
11.	Majlis Daerah Kota Tinggi	2010	2011	-
12.	Majlis Daerah Yong Peng	2010	2011	-
13.	Majlis Daerah Labis	2010	2011	-
14.	Majlis Daerah Simpang Renggam	2010	2011	-
15.	Majlis Daerah Mersing	2010	2011	-

Sumber: Jabatan Audit Negara

10.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

10.3.1. Sehingga 7 Jun 2012, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan sebanyak 28 penyata kewangan tahun 2010 iaitu 12 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, 15 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan dan satu penyata kewangan Majlis Agama Islam. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak 25 akaun telah diberi Sijil Tanpa Teguran dan 3 Sijil Berteguran berbanding 23 akaun diberikan Sijil Tanpa teguran dan 5 Sijil Berteguran semasa pengesahan penyata kewangan tahun 2009. Maklumat lanjut mengenai kedudukan jenis sijil yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara bagi pengauditan penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam adalah seperti di **Jadual 10.3**.

Jadual 10.3**Kedudukan Jenis Sijil Yang Dikeluarkan Bagi Penyata Kewangan
Agensi Negeri Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Bil.	Agensi	Jenis Sijil	
		2009	2010
A. Badan Berkanun Negeri			
1.	Yayasan Warisan Negeri	Berteguran	Berteguran
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Johor	Berteguran	Berteguran
3.	Yayasan Pelajaran Johor	Berteguran	Tanpa Teguran
4.	Perbadanan Islam Johor	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
5.	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
6.	Perbadanan Johor	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
7.	Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-Orang Islam Negeri Johor	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
8.	Taman Ibrahim Muar	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
9.	Perbadanan Stadium Johor	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
10.	Perbadanan Taman Negara Johor	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
11.	Tabung Pembangunan Masjid Dan Amal Jariah Johor	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
12.	Perbadanan Bioteknologi Dan Biodiversiti Negeri Johor	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
B. Pihak Berkuasa Tempatan			
1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	Berteguran	Berteguran
2.	Majlis Daerah Simpang Renggam	Berteguran	Tanpa Teguran
3.	Majlis Perbandaran Batu Pahat	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
4.	Majlis Perbandaran Muar	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
5.	Majlis Perbandaran Kluang	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
6.	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
7.	Majlis Perbandaran Kulai	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
8.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
9.	Majlis Daerah Kota Tinggi	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
10.	Majlis Daerah Yong Peng	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
11.	Majlis Daerah Segamat	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
12.	Majlis Daerah Labis	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
13.	Majlis Daerah Pontian	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
14.	Majlis Daerah Tangkak	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
15.	Majlis Daerah Mersing	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
C. Majlis Agama Islam			
1.	Majlis Agama Islam Negeri Johor	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran

Sumber: Jabatan Audit Negara

10.3.2. Penyata kewangan disahkan dengan Sijil Berteguran apabila terdapat isu yang menjejaskan pengesahan Audit terhadap angka di penyata kewangan sama ada daripada aspek pematuhan kepada piawai perakaunan, pematuhan undang-undang dan peraturan kewangan serta kelemahan penyelenggaraan rekod kewangan dan perakaunan. Antara isu yang lazim dibangkitkan adalah seperti berikut:

10.3.2.1. Dokumen sokongan tidak diselenggarakan dengan lengkap untuk mengesahkan baki penghutang, pemiutang, wang tunai dan wang amanah.

10.3.2.2. Peruntukan hutang ragu tidak dibuat ke atas hutang yang diragui dan berkemungkinan tidak dapat dikutip.

10.3.2.3. Nilai aset tidak dapat disahkan kerana ketiadaan senarai dan dokumen lengkap.

10.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Laporan Audit mengenai penyata kewangan yang telah disahkan hendaklah dibentangkan di Dewan Negeri. Pada keseluruhannya, pembentangan penyata kewangan agensi yang telah disahkan di Dewan Negeri adalah semakin baik di mana sehingga 7 Jun 2012, hanya satu penyata kewangan agensi bagi tahun kewangan 2009 belum dibentangkan di Dewan Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri berbanding 3 penyata kewangan pada tahun 2010. Pihak Berkuasa Tempatan menunjukkan prestasi pembentangan penyata kewangan yang sangat baik di mana penyata kewangan bagi tahun kewangan 2010 bagi kesemua 15 Pihak Berkuasa Tempatan telah dibentangkan di Dewan Negeri. Maklumat terperinci mengenai pembentangan penyata kewangan yang telah disahkan di Dewan Negeri bagi Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam adalah seperti di **Jadual 10.4** dan **Jadual 10.5**.

Jadual 10.4

Pembentangan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam Yang Telah Disahkan Di Dewan Negeri Sehingga 7 Jun 2012

Bil.	Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam	Penyata Kewangan Terakhir Dibentangkan	Penyata Kewangan Belum Dibentangkan	Tarikh Penyata Kewangan Disahkan
1.	Perbadanan Johor	2010	-	-
2.	Yayasan Pelajaran Johor	2009	2010	9.12.2011
3.	Perbadanan Islam Johor	2010	-	-
4.	Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-Orang Islam Negeri Johor	2010	-	-
5.	Yayasan Warisan Negeri	2010	-	-
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Johor	2010	-	-
7.	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim	2010	-	-
8.	Perbadanan Stadium Johor	2010	-	-
9.	Perbadanan Taman Negara Johor	2010	-	-
10.	Tabung Pembangunan Masjid Dan Amal Jariah Johor	2010	-	-
11.	Perbadanan Bioteknologi Dan Biodiversiti Negeri Johor	2010	-	-
12.	Majlis Agama Islam Negeri Johor	2010	-	-
Jumlah			1	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 10.5
Pembentangan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan
Yang Telah Disahkan Di Dewan Negeri Sehingga 7 Jun 2012

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Kewangan Terakhir Dibentangkan	Penyata Kewangan Belum Dibentangkan	Tarikh Penyata Kewangan Disahkan
1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	2010	-	-
2.	Majlis Perbandaran Batu Pahat	2010	-	-
3.	Majlis Perbandaran Muar	2010	-	-
4.	Majlis Perbandaran Kluang	2010	-	-
5.	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	2010	-	-
6.	Majlis Perbandaran Kulai	2010	-	-
7.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	2010	-	-
8.	Majlis Daerah Kota Tinggi	2010	-	-
9.	Majlis Daerah Yong Peng	2010	-	-
10.	Majlis Daerah Segamat	2010	-	-
11.	Majlis Daerah Labis	2010	-	-
12.	Majlis Daerah Pontian	2010	-	-
13.	Majlis Daerah Simpang Renggam	2010	-	-
14.	Majlis Daerah Tangkak	2010	-	-
15.	Majlis Daerah Mersing	2010	-	-

Sumber: Jabatan Audit Negara

10.5. PRESTASI KEWANGAN

10.5.1. Kedudukan Kewangan Agensi Negeri Dan Majlis Agama Islam

Analisis kedudukan kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah berdasarkan kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010. Jabatan Audit Negara telah mengesahkan penyata kewangan tahun 2010 bagi 12 Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan 15 Pihak Berkuasa Tempatan.

10.5.2. Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam

10.5.2.1. Kedudukan kewangan bagi Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam berdasarkan kepada penyata kewangan tahun 2010 yang telah disahkan adalah seperti di **Jadual 10.6.**

Jadual 10.6**Kedudukan Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010**

Bil.	Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam	Penyata Pendapatan			Lembaran Imbangan		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)
1.	Perbadanan Johor	636.00	517.00	119.00	1,695.00	1,285.00	410.00
2.	Yayasan Pelajaran Johor	14.05	20.39	-6.34	23.45	22.13	1.32
3.	Perbadanan Islam Johor	3.85	5.29	-1.44	14.46	2.03	12.43
4.	Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-orang Islam Negeri Johor	2.39	2.38	0.01	6.39	0.26	6.13
5.	Yayasan Warisan Negeri	18.50	14.28	4.22	9.81	2.25	7.56
6.	Taman Ibrahim Muar	0.313	0.314	-0.001	0.06	0.25	-0.19
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Johor	4.49	4.95	-0.46	0.58	0.76	-0.18
8.	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim	5.47	5.01	0.46	2.61	0.01	2.60
9.	Perbadanan Stadium Johor	1.37	1.11	0.26	0.32	0.26	0.06
10.	Perbadanan Taman Negara Johor	6.09	7.35	-1.26	0.47	0.30	0.17
11.	Tabung Pembangunan Masjid Dan Amal Jariah Johor	1.25	0.56	0.69	2.66	0.004	2.66
12.	Perbadanan Bioteknologi Dan Biodiversiti Negeri Johor	4.05	2.28	1.77	2.14	0.30	1.84
13.	Majlis Agama Islam Negeri Johor	138.20	121.32	16.88	328.18	46.43	281.75

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam

10.5.2.2. Merujuk kepada **Jadual 10.6**, tujuh Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri Johor mencatatkan surplus pada tahun 2010, manakala 5 agensi yang lain memperoleh defisit. Perbadanan Johor mencatatkan surplus tertinggi iaitu sejumlah RM119 juta, manakala Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-orang Islam Negeri Johor mencatat surplus terendah berjumlah RM0.01 juta. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri adalah lebih baik berbanding tahun 2009 kecuali Yayasan Pelajaran Johor yang mencatatkan peningkatan defisit dan Perbadanan Islam Johor yang mencatatkan defisit berbanding surplus pada tahun sebelumnya. Pada tahun 2010, Yayasan Pelajaran Johor mencatatkan defisit berjumlah RM6.34 juta berbanding defisit berjumlah RM1.19 juta pada tahun 2009, manakala Perbadanan Islam Johor mencatatkan defisit berjumlah RM1.44 juta pada tahun 2010 berbanding surplus sebanyak RM0.26 juta pada tahun 2009. Sebanyak 10 Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri Johor mempunyai lebihan aset semasa berbanding liabiliti semasa,

manakala 2 Badan Berkanun Negeri iaitu Taman Ibrahim Muar dan Perbadanan Perpustakaan Awam Johor mempunyai liabiliti semasa melebihi aset semasa.

10.5.3. Pihak Berkuasa Tempatan

10.5.3.1. Kedudukan kewangan Pihak Berkuasa Tempatan berdasarkan kepada penyata kewangan tahun 2010 yang telah disahkan adalah seperti di **Jadual 10.7**.

Jadual 10.7
Kedudukan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan			Lembaran Imbangan		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	155.44	165.76	-10.32	104.79	74.39	30.40
2.	Majlis Perbandaran Batu Pahat	47.93	44.20	3.73	38.04	16.59	21.45
3.	Majlis Perbandaran Muar	27.56	25.26	2.30	31.72	20.39	11.33
4.	Majlis Perbandaran Kluang	29.07	37.98	-8.91	23.85	11.44	12.41
5.	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	114.12	101.98	12.14	167.42	54.47	112.95
6.	Majlis Perbandaran Kulai	57.04	47.63	9.41	40.44	18.69	21.75
7.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	76.20	64.19	12.01	30.26	36.56	-6.30
8.	Majlis Daerah Kota Tinggi	19.99	14.48	5.51	34.97	8.25	26.72
9.	Majlis Daerah Yong Peng	16.22	12.47	3.75	18.14	4.28	13.86
10.	Majlis Daerah Segamat	22.60	20.10	2.50	13.92	4.21	9.71
11.	Majlis Daerah Labis	14.31	13.17	1.14	4.40	1.07	3.33
12.	Majlis Daerah Pontian	27.00	23.35	3.65	29.36	8.70	20.66
13.	Majlis Daerah Simpang Renggam	8.53	7.10	1.43	13.08	2.82	10.26
14.	Majlis Daerah Tangkak	14.74	11.84	2.90	15.58	7.00	8.58
15.	Majlis Daerah Mersing	6.80	6.51	0.29	6.93	2.16	4.77

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Pihak Berkuasa Tempatan

10.5.3.2. Jadual 10.7 menunjukkan 2 Pihak Berkuasa Tempatan telah mencatatkan defisit pada tahun 2010, manakala 13 Pihak Berkuasa Tempatan yang lain telah mencatatkan surplus. Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah mencatatkan surplus tertinggi sejumlah RM12.14 juta berbanding Majlis Daerah Mersing yang mencatatkan surplus terendah berjumlah RM0.29 juta. Sebanyak 14 Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai lebihan aset semasa berbanding dengan liabiliti semasa kecuali Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Ini menunjukkan 14 Pihak Berkuasa Tempatan berkeupayaan untuk menanggung liabiliti semasanya dengan mencairkan aset semasa yang ada di mana nisbah kecairan adalah antara 1.41 hingga 4.64.

10.5.4. Tunggakan Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan

10.5.4.1. Jabatan Audit Negara telah membuat analisis terhadap tunggakan hasil cukai taksiran Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2009 dan 2010 seperti di **Jadual 10.8**.

Jadual 10.8

Tunggakan Hasil Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun 2009 Dan 2010

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	58.88	60.91	2.03	3.4
2.	Majlis Perbandaran Batu Pahat	17.29	16.76	-0.53	-3.1
3.	Majlis Perbandaran Muar	7.03	8.18	1.15	16.4
4.	Majlis Perbandaran Kluang	10.44	11.97	1.53	14.7
5.	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	37.05	39.40	2.35	6.3
6.	Majlis Perbandaran Kulai	26.17	26.05	-0.12	-0.5
7.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	12.07	12.42	0.35	2.9
8.	Majlis Daerah Kota Tinggi	5.02	5.00	-0.02	-0.4
9.	Majlis Daerah Yong Peng	5.80	4.85	-0.95	-16.4
10.	Majlis Daerah Segamat	4.91	4.68	-0.23	-4.7
11.	Majlis Daerah Labis	1.11	1.37	0.26	23.4
12.	Majlis Daerah Pontian	3.07	3.18	0.11	3.6
13.	Majlis Daerah Simpang Renggam	0.94	1.46	0.52	55.3
14.	Majlis Daerah Tangkak	1.68	2.55	0.87	51.8
15.	Majlis Daerah Mersing	0.80	0.92	0.12	15.0
Jumlah		192.26	199.70	7.44	3.9

Sumber: Jabatan Audit Negara


10.5.4.2. Berdasarkan kepada **Jadual 10.8**, tunggakan hasil bagi 15 Pihak Berkuasa Tempatan telah meningkat sejumlah RM7.44 juta atau 3.9% daripada RM192.26 juta pada tahun 2009 menjadi RM199.70 juta pada tahun 2010. Analisis Audit menunjukkan 10 Pihak Berkuasa Tempatan mencatat peningkatan tunggakan cukai taksiran antara RM0.11 juta hingga RM2.35 juta, manakala 5 Pihak Berkuasa Tempatan mencatat pengurangan tunggakan hasil antara RM0.02 juta dan RM0.95 juta. Peratus peningkatan jumlah tunggakan cukai taksiran yang paling tinggi adalah bagi Majlis Daerah Simpang Renggam dengan 55.3%.

10.6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, penyediaan penyata kewangan Agensi Negeri adalah baik kerana kesemua penyata kewangan bagi tahun 2010 telah dapat disahkan. Kedudukan penyerahan penyata kewangan juga adalah baik kerana 26 daripada 29 Agensi Negeri telah menyerahkan penyata kewangan tahun 2011 kepada Jabatan Audit Negara sehingga 7 Jun 2012. Bagaimanapun, prestasi kewangan semasa dan tunggakan cukai taksiran adalah kurang memuaskan. Bagi penambahbaikan kepada perkara yang dibangkitkan, Agensi Negeri disyorkan untuk mengambil langkah berikut:

10.6.1. Agensi Negeri yang mengalami defisit dan kekurangan aset semasa bersih perlu mempertingkatkan prestasi kewangannya supaya pendapatan yang diperoleh dapat menampung perbelanjaan mengurus dan menanggung liabiliti semasa.

10.6.2. Pihak Berkuasa Tempatan perlu memastikan tunggakan cukai taksiran dapat dikurangkan dengan mengambil tindakan lebih tegas terhadap mereka yang gagal membayar cukai taksiran dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti mengambil tindakan penguatkuasaan dan undang-undang.



Bahagian VI

Pembentangan Laporan
Ketua Audit Negara Dan
Mesyuarat Jawatankuasa
Kira-Kira Raya Negeri

**11. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA
KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dibentangkan dalam Dewan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Johor Tahun 2010 telah dibentangkan dalam Dewan Negeri pada 8 Disember 2011.

12. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI

Sepanjang tahun 2011 sehingga 7 Jun 2012, Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor telah bersidang sebanyak 6 kali untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2008 dan 2009. Jawatankuasa juga telah menjemput ketua-ketua jabatan yang berkenaan untuk memberi penjelasan terhadap perkara yang dilaporkan. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam, Jawatankuasa hendaklah dari semasa ke semasa mengadakan mesyuarat dengan lebih kerap bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh ketua Jabatan/Agensi Negeri. Butiran ringkas perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuarat adalah seperti di **Jadual 12.1** dan **Jadual 12.2**.

Jadual 12.1

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor Sepanjang Tahun 2011

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008
1.	17.2.2011	Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ)	<p><u>Pengurusan Kewangan</u> Jawatankuasa bersetuju supaya MAIJ mengambil tindakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Unit Audit Dalam MAIJ adalah bertanggungjawab memantau aset-aset wakaf bagi tujuan pembangunan yang dirancang hendaklah mengikut kesesuaian. b. Melakukan pemeriksaan aset dari masa ke semasa kerana terdapat pencerobohan tanah-tanah wakaf dan melaksanakan penguatkuasaan terhadap penceroboh-penceroboh secara berterusan. c. Mempercepatkan tempoh meluluskan sesuatu bantuan kerana terdapat rungutan daripada orang awam mengenai sesuatu tindakan lambat dibuat keputusan oleh pihak MAIJ. Contohnya: Bantuan PPRT, banjir dan kebakaran. d. Mengambil tindakan di atas syor/teguran dan penambahbaikan MAIJ dapat dipatuhi.
2.	17.2.2011	Pejabat Daerah Kota Tinggi	<p><u>Pengurusan Kewangan</u> Jawatankuasa bersetuju menerima laporan daripada Pejabat Daerah Kota Tinggi. Walau bagaimanapun, Pejabat Daerah dikehendaki mengemukakan semula laporan berserta dengan dokumen-dokumen sokongan kepada Urus setia.</p>
3.	8.4.2011	Majlis Daerah Labis	<p><u>Pengurusan Kewangan</u> Jawatankuasa bersetuju Majlis Daerah Labis supaya mengambil tindakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Menjalankan pemeriksaan mengejut sekurang-kurangnya 2 kali setahun. b. Jika berlaku pertukaran kakitangan, pegawai yang mengambil alih hendaklah memahami prinsip-prinsip perakaunan. c. Membuat ketetapan di mana pegawai baru yang mengambil alih hendaklah diberi latihan selama 2 minggu sebelum penempatannya. d. Pesanan Tempatan hendaklah disediakan terlebih dahulu sebelum invois dikeluarkan dan pembayaran dijelaskan. e. Setiap pembelian barang hendaklah menyatakan dengan jelas mengenai butiran, kuantiti dan harga.

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008
4.	6.10.2011	Majlis Daerah Kota Tinggi	<p><u>Pengurusan Kewangan</u> Jawatankuasa bersetuju supaya Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) mengambil tindakan:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Mengambil tindakan bagi Akaun Deposit yang masih belum dibuat bayaran. b. Melantik pegawai penyelia yang bertanggungjawab bagi sesuatu tugas agar kehilangan barang dapat dikenal pasti. c. Pegawai Pengawal diberi kuasa untuk membuat keputusan pegawai penyelia yang bertanggungjawab perlu mengganti barang-barang yang hilang. d. Mencadangkan agar MDKT tidak membuat Pelaburan Amanah Saham sebaliknya disimpan ke dalam Akaun Amanah Raya atau Simpanan Tetap bagi jaminan keselamatan.
5.	20.10.2011	Pejabat Daerah Mersing	<p><u>Pengurusan Kewangan</u> Jawatankuasa bersetuju supaya Pejabat Daerah Mersing mengambil tindakan:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Mengawal penggunaan Kad Minyak. b. Meneruskan dan mempertingkatkan usaha pada masa-masa akan datang.
6.	20.10.2011	Pejabat Tanah Kluang	<p><u>Pengurusan Kewangan</u> Jawatankuasa bersetuju supaya Pejabat Tanah Kluang mengambil tindakan:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Menyesuaikan penggunaan minyak dengan jumlah kilometer. b. Pemandu hendaklah menyerahkan semula kad minyak kepada Pegawai Penyelia selepas digunakan. c. Menyemak penggunaan kenderaan setiap hari dan mencatat dengan jelas tujuan perjalanan.


Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 12.2

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor Sehingga Bulan Jun 2012

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009
1.	29.3.2012	Majlis Bandar Raya Johor Bahru	<p>Pengurusan Kewangan Jawatankuasa bersetuju supaya Majlis Bandar Raya Johor Bahru mengambil tindakan:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Bersetuju dengan cadangan <i>Standard Operating Procedures</i> (SOP) bagi pengesahan kerja; kawalan dalaman bagi projek yang telah siap untuk pemeriksaan dalam masa 10 hari. Prosedur ini hendaklah dimasukkan dalam surat tawaran kerja untuk makluman. b. Tindakan perlu diambil terhadap pegawai yang tidak mematuhi untuk membuat pemeriksaan dalam tempoh 10 hari. c. Penambahbaikan kepada SOP hendaklah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis untuk <i>endorsement</i> tetapi tidak boleh melangkaui peraturan kewangan. d. Mematuhi peraturan mengenai pembayaran bil dalam tempoh 14 hari. Tempoh dikira mulai tarikh bil tuntutan dikemukakan bersama-sama laporan siap kerja. e. Mengenal pasti akaun amanah dan deposit dibuat yang boleh dijadikan hasil dan yang perlu dikekalkan. f. Mengenal pasti aset yang memerlukan penyenggaraan yang tinggi untuk dilupuskan.
2.	24.5.2012	Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor	<p>Pengurusan Kewangan Jawatankuasa bersetuju supaya Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor mengambil tindakan:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Jabatan hendaklah sentiasa mematuhi tatacara Pengurusan Kewangan mengikut prosedur dan perlu dijadikan amalan secara berterusan. b. Mulai tahun 2016, pengurusan aset akan menunjukkan nilai aset yang sebenar berasaskan konsep akruan. Oleh itu, Jabatan perlu mematuhi prosedur pengurusan aset mulai sekarang sebagai persediaan ke arah pematuhan tatacara pengauditan tersebut. c. Jawatankuasa mencadangkan masa operasi di kaunter dibuka semasa waktu rehat tengah hari bagi kemudahan orang awam yang bekerja membuat bayaran atau berurusan.

Sumber: Jabatan Audit Negara



Penutup


Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri adalah bertambah baik. Begitu juga tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri Johor pada tahun 2011 telah menunjukkan prestasi lebih baik berbanding tahun 2010 kerana Jabatan/Agensi Negeri Johor telah memberi fokus yang lebih sejak pelaksanaan Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara mulai tahun 2007. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan Agensi Negeri Johor bukan sahaja mengambil tindakan memperbaiki kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan ini, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan perkara berikut:

- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu.
- b. Jabatan/Agensi Negeri Johor perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan disediakan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.
- c. Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Agensi Negeri Johor perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut.
- d. Ketua Jabatan/Agensi Negeri Johor perlu mewujudkan sistem *check and balance*, *frequent monitoring and audit spot checks*, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang pengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

8 Jun 2012



Lampiran



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI JOHOR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor pada 31 Disember 2011; hasil operasi serta aliran tunai bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.


(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia. * *

Putrajaya
8 Jun 2012




**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
DAN BENDAHARI NEGERI JOHOR**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) Mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), Piawaian Perakaunan Kerajaan dan International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting dan;
- (b) Dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Johor.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum beserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2011.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2011.


YB TUAN HAJI MARSAN BIN KASSIM
Pegawai Kewangan Negeri Johor
22 Februari 2012


DR SA'ARI BIN MD. NOOH
Bendahari Negeri Johor
22 Februari 2012

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
Pada 31 Disember 2011

		<u>2011</u>	<u>2010</u>
	<i>Nota</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	104,330,460.42	38,639,053.36
PELABURAN	4	346,170,594.47	467,168,231.49
		450,501,054.89	505,807,284.85
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	(319,292,051.42)	(325,696,371.20)
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	-	-
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	769,793,106.31	831,503,656.05
		450,501,054.89	505,807,284.85

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011

	<u>Nota</u>	<u>2011</u>		<u>2010</u>	
		RM	RM	RM	RM
TERIMAAN					
Hasil	5				
Hasil Cukai		294,221,416.68		269,921,558.76	
Hasil Bukan Cukai		411,660,553.59		526,367,605.17	
Terimaan Bukan Hasil		135,894,249.92		226,881,751.34	
Hasil Wilayah-Wilayah Persekutuan		<u>-</u>	841,776,220.19	<u>-</u>	1,023,170,915.27
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		-		14,606,490.00	
Luar Negeri		<u>-</u>	-	<u>-</u>	14,606,490.00
Bantuan Luar Negeri	6				
Pinjaman Multilateral		-		-	
Pinjaman Bilateral		<u>-</u>	-	<u>-</u>	-
Terimaan Modal	7				
Terimaan Balik Pinjaman		-		-	
Jualan Aset Modal		-		-	
Pelbagai Terimaan Modal		79,593,604.36		62,598,213.90	
Jualan Instrumen Kewangan		<u>-</u>	79,593,604.36	<u>-</u>	62,598,213.90
Terimaan Lain	7				
Terimaan Amanah		13,894,628.74		212,300,891.65	
Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)		<u>-</u>	13,894,628.74	<u>-</u>	212,300,891.65
Jumlah Terimaan			<u>935,264,453.29</u>		<u>1,312,676,510.82</u>

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN TUNAI
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011

	<i>Nota</i>	<i>2011</i>		<i>2010</i>	
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		336,303,886.20		320,504,368.68	
Perkhidmatan dan Bekalan		220,005,202.71		222,156,105.12	
Aset		10,746,978.15		13,044,871.98	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		129,176,089.25		121,511,969.52	
Perbelanjaan Lain		<u>2,120,931.38</u>	698,353,087.69	<u>8,119,441.28</u>	685,336,766.58
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		255,198,782.84		258,839,356.23	
Pinjaman		<u>-</u>	255,198,782.84	<u>-</u>	258,839,356.23
Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)	7	<u>-</u>	-	<u>-</u>	-
Perbelanjaan Modal					
Pembelian Instrumen Kewangan	4	<u>(120,997,637.02)</u>	(120,997,637.02)	<u>276,003,852.34</u>	276,003,852.34
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		37,018,812.72		79,476,236.52	
Luar Negeri		<u>-</u>	37,018,812.72	<u>14,606,490.00</u>	94,082,726.52
Bantuan Luar Negeri	6				
Pinjaman Multilateral		-		-	
Pinjaman Bilateral		<u>-</u>	-	<u>-</u>	-
Bayaran Lain					
Akaun Amanah	7	<u>-</u>	-	<u>-</u>	-
Jumlah Bayaran			<u>869,573,046.23</u>		<u>1,314,262,701.67</u>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			65,691,407.06		(1,586,190.85)
Wang Tunai Pada 1 Januari			38,639,053.36		40,225,244.21
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER			<u>104,330,460.42</u>		<u>38,639,053.36</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011

	<u>Nota</u>	<u>2011</u>		<u>2010</u>
		<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>	<u>Sebenar</u>
		RM	RM	RM
HASIL	5	813,598,000.00	841,776,220.19	1,023,170,915.27
<u>Tolak</u> :				
Belanja Mengurus	5	769,372,000.00	735,371,900.41	764,813,003.10
LEBIHAN HASIL		44,226,000.00	106,404,319.78	258,357,912.17
<u>Tolak</u> :				
Belanja Pembangunan	7	-	255,198,782.84	258,839,356.23
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		44,226,000.00	(148,794,463.06)	(481,444.06)
KURANGAN DIBIYAI OLEH:				
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri	6		-	-
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		79,593,604.36	62,598,213.90
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	7		69,200,858.70	(62,116,769.84)
JUMLAH PEMBIAYAAN			148,794,463.06	481,444.06

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Nota : Belanja mengurus adalah termasuk bayaran balik pinjaman dalam negeri.

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM
Pada 31 Disember 2011**

	<u>Nota</u>	<u>2011</u> RM	<u>2010</u> RM
MEMORANDUM ASET	8		
Pinjaman Boleh Dituntut		428,689,875.31	1,264,203,260.51
Pelaburan		450,750,053.00	421,509,083.14
Akaun Belum Terima		160,814,907.25	175,897,724.63
MEMORANDUM LIABILITI	9		
Hutang Awam		482,703,689.13	1,379,992,580.11

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperolehi dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urus niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua kementerian dan jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urus niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.
- i) Amaun telah dikenakan kepada Ringgit Malaysia (RM) yang terdekat yang mungkin memberi kesan perbezaan RM1 bagi beberapa butiran yang dinyatakan di antara Penyata Kewangan dengan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Persembahan Penyata Kewangan dan nota yang disertakan bagi tahun 2011 telah dibuat penambahbaikan bagi memudahkan pemahaman dan penganalisan.

Penyata Prestasi Kewangan adalah penyata baharu yang menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhan.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai Pejabat Perbendaharaan Negeri pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2011	2010
	RM	RM
Wang Tunai Dalam Bank	94,314,533.64	27,000,799.71
Wang Tunai Dalam Perjalanan	8,241,376.78	9,574,603.65
Wang Tunai Dalam Tangan	1,774,550.00	2,063,650.00
JUMLAH WANG TUNAI	104,330,460.42	38,639,053.36

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pelaburan Am juga merangkumi pelaburan daripada penukaran pinjaman kepada ekuiti.

Pelaburan pada 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2011		2010	
	<i>Nilai Buku</i>		<i>Nilai Buku</i>	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am
	RM	RM	RM	RM
Sekuriti Kerajaan Luar Negeri	-	-	-	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	-	-	-
Saham	-	-	-	-
Deposit Luar Negeri	-	-	-	-
Deposit Dalam Negeri	-	346,000,000.00	-	467,000,000.00
Pelbagai	-	170,594.47	-	168,231.49
<i>Jumlah</i>	-	346,170,594.47	-	467,168,231.49
JUMLAH PELABURAN	346,170,594.47		467,168,231.49	

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengaakaun semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

Perihal	2011			2010	
	Anggaran RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
BAKI PADA 1 JANUARI		(325,696,371.20)		(484,054,283.37)	
HASIL					
Hasil Cukai	316,880,000.00	294,221,416.68	92.85	269,921,558.76	96.78
Hasil Bukan Cukai	350,975,000.00	411,660,553.59	117.29	526,367,605.17	145.19
Terimaan Bukan Hasil	145,743,000.00	135,894,249.92	93.24	226,881,751.34	158.97
Hasil Wilayah-Wilayah Persekutuan	-	-	-	-	-
Jumlah Hasil	813,598,000.00	841,776,220.19	103.46	1,023,170,915.27	130.48
PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	345,936,256.00	336,303,886.20	97.22	320,504,358.68	96.87
Perkhidmatan dan Bekalan	236,892,449.38	220,005,202.71	92.87	222,156,105.12	94.33
Aset	13,415,877.00	10,746,978.15	80.11	13,044,871.98	77.47
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap**	170,924,417.62	166,194,901.97	97.23	200,988,226.04	95.49
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	2,203,000.00	2,120,931.38	96.27	8,119,441.28	96.05
Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)	769,372,000.00	735,371,900.41	95.58	764,813,003.10	95.34
<i>Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan</i>	100,000,000.00	100,000,000.00	100.00	100,000,000.00	100.00
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)	869,372,000.00	835,371,900.41	96.09	864,813,003.10	95.86
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>		6,404,319.78		158,357,912.17	
BAKI PADA 31 DISEMBER		(319,292,051.42)		(325,696,371.20)	

Nota: (**) - Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang. Selaras dengan Seksyen 111B Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], sebahagian hasil cukai pendapatan dipindahkan ke Kumpulan Wang Amanah Tabung Bayaran Balik Cukai bagi tujuan bayaran balik cukai yang terlebih dikutip.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

Perihal	2011			2010		
	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
HASIL CUKAI						
Cukai Tanah	282,580,000.00	282,580,000.00	263,453,793.21	93.23	232,287,626.92	93.55
Cukai Galian	50,000.00	50,000.00	705.00	1.41	17,620.00	35.24
Cukai Parit Dan Taliair	1,200,000.00	1,200,000.00	1,144,998.70	95.42	1,159,501.30	77.30
Cukai Keluaran Hutan	5,000,000.00	5,000,000.00	3,686,832.77	73.74	3,622,392.47	72.45
Cukai Langsung Yang Lain	50,000.00	50,000.00	26,685.00	53.37	37,557.54	75.12
Pelbagai Cukai Tidak Langsung	28,000,000.00	28,000,000.00	25,908,402.00	92.53	32,796,860.53	136.65
Jumlah Hasil Cukai	316,880,000.00	316,880,000.00	294,221,416.68	92.85	269,921,558.76	96.78

Perihal	2011				2010	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
HASIL BUKAN CUKAI						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	65,317,000.00	65,317,000.00	81,211,426.05	124.33	65,659,265.55	101.73
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	90,705,000.00	90,705,000.00	111,993,881.85	123.47	104,518,132.04	122.67
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	137,853,000.00	137,853,000.00	142,889,151.58	103.65	301,475,691.45	179.73
Sewaan	13,046,000.00	13,046,000.00	11,991,995.54	91.92	8,005,266.51	75.86
Faedah dan Perolehan daripada Pelaburan	28,853,000.00	28,853,000.00	50,113,970.69	173.69	33,546,870.91	127.54
Denda dan Hukuman	15,201,000.00	15,201,000.00	13,460,127.88	88.55	13,162,378.71	160.81
<i>Jumlah Hasil Bukan Cukai</i>	350,975,000.00	350,975,000.00	411,660,553.59	117.29	526,367,605.17	145.19
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulangan Balik Perbelanjaan	28,532,000.00	28,532,000.00	19,173,004.00	67.20	26,958,133.97	93.90
Terimaan daripada Agensi-agensi Kerajaan	117,211,000.00	117,211,000.00	116,721,245.92	99.58	199,923,617.37	175.35
<i>Jumlah Terimaan Bukan Hasil</i>	145,743,000.00	145,743,000.00	135,894,249.92	93.24	226,881,751.34	158.97
JUMLAH HASIL	813,598,000.00	813,598,000.00	841,776,220.19	103.46	1,023,170,915.27	130.48

Perbezaan antara anggaran asal dan anggaran disemak dan di antara anggaran disemak dan hasil sebenar diterangkan di Laporan Pegawai Kewangan Negeri.

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Parlimen selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	2011			
	<i>Anggaran</i>	<i>Anggaran</i>	<i>Sebenar</i>	<i>%</i>
	<i>Asal</i>	<i>Dipinda</i>		
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>Anggaran</i>
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T01 Peruntukan Diraja	16,074,000.00	17,677,000.00	17,156,674.53	97.06
T02 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	375,000.00	375,000.00	238,923.58	63.71
T03 Dewan Negeri	4,770,000.00	5,686,000.00	5,618,339.73	98.81
T04 Setiausaha Kerajaan Negeri	1,002,000.00	1,002,000.00	444,133.29	44.32
T05 Bayaran-bayaran Kerana Hutang Kerajaan	31,884,000.00	37,019,000.00	37,018,812.72	100.00
<i>Jumlah Perbelanjaan Tanggungan</i>	54,105,000.00	61,759,000.00	60,476,883.85	97.92
PERBELANJAAN BEKALAN				
B01 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	709,000.00	773,000.00	698,597.61	90.37
B03 Pejabat Setiausaha Kerajaan	151,307,000.00	161,799,000.00	148,023,647.86	91.49
B04 Perbendaharaan Negeri	43,894,000.00	44,888,000.00	43,766,707.41	97.50
B07 Jabatan Pertanian	18,159,000.00	19,040,000.00	16,648,668.03	87.44
B08 Jabatan Pengairan Dan Saliran	76,732,000.00	79,501,000.00	77,089,688.29	96.97
B10 Jabatan Haiwan	7,691,000.00	8,347,000.00	8,156,592.71	97.72
B12 Kebun Bunga	4,828,000.00	5,052,000.00	4,811,010.56	95.23
B13 Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	4,300,000.00	4,709,000.00	4,381,769.37	93.05
B19 Jabatan Hutan	10,775,000.00	11,642,000.00	11,590,709.02	99.56
B21 Jabatan Agama	32,163,000.00	37,443,000.00	35,765,201.21	95.52
B22 Pendidikan Agama	122,334,000.00	129,420,000.00	126,780,479.27	97.96
B23 Jab. Kebajikan Masyarakat	17,104,000.00	25,018,000.00	23,995,699.71	95.91
B24 Jabatan Kerja Raya	68,236,000.00	73,095,000.00	71,499,376.03	97.82
B26 Muzium Diraja Abu Bakar	2,523,000.00	3,032,000.00	2,490,092.74	82.13
B28 Peruntukan Kepada Kumpulanwang Terkanun		-	-	-
B29 Mahkamah Syariah	7,425,000.00	7,947,000.00	7,396,139.51	93.07
B32 Jabatan Mufti	1,764,000.00	1,914,000.00	1,776,798.60	92.83
B41 Pejabat Daerah Johor Bahru	5,143,000.00	5,421,000.00	5,312,002.38	97.99
B42 Pejabat Daerah Muar	6,054,000.00	6,054,000.00	5,273,633.76	87.11
B43 Pejabat Daerah Batu Pahat	4,745,000.00	5,161,000.00	5,060,074.70	98.04
B44 Pejabat Daerah Pontian	4,120,000.00	4,269,000.00	4,181,611.16	97.95
B45 Pejabat Daerah Segamat	4,272,000.00	4,471,000.00	4,369,038.02	97.72
B46 Pejabat Daerah Kluang	3,756,000.00	3,918,000.00	3,576,742.09	91.29
B47 Pejabat Daerah Kota Tinggi	4,787,000.00	5,029,000.00	4,703,935.82	93.54
B48 Pejabat Daerah Mersing	3,397,000.00	3,586,000.00	3,555,371.26	99.15
B49 Pejabat Daerah Kulijaya	3,156,000.00	3,297,000.00	3,214,793.89	97.51
B50 Pejabat Daerah Ledang	2,974,000.00	3,103,000.00	2,904,271.35	93.60
B51 Pejabat Tanah dan Galian	16,752,000.00	18,024,000.00	17,695,277.85	98.18
B52 Pejabat Tanah Johor Bahru	3,961,000.00	4,356,000.00	4,274,086.07	98.12
B53 Pejabat Tanah Muar	3,727,000.00	3,915,000.00	3,748,561.09	95.75

Maksud Perbelanjaan	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	Sebenar RM	% Anggaran
B54 Pejabat Tanah Batu Pahat	4,344,000.00	4,767,000.00	4,451,818.27	93.39
B55 Pejabat Tanah Pontian	2,171,000.00	2,409,000.00	2,234,934.53	92.77
B56 Pejabat Tanah Segamat	2,776,000.00	3,130,000.00	3,028,795.20	96.77
B57 Pejabat Tanah Kluang	2,813,000.00	3,194,000.00	3,013,864.03	94.36
B58 Pejabat Tanah Kota Tinggi	2,741,000.00	3,150,000.00	2,999,155.03	95.21
B59 Pejabat Tanah Mersing	1,859,000.00	2,131,000.00	2,047,086.45	96.06
B60 Pejabat Tanah Kulai Jaya	1,984,000.00	2,381,000.00	2,251,740.79	94.57
B61 Pejabat Tanah Ledang	1,772,000.00	2,227,000.00	2,127,044.89	95.51
	-	-	-	-
Jumlah Perbelanjaan Bekalan	657,248,000.00	707,613,000.00	674,895,016.56	95.38
PERBELANJAAN MENGURUS (sebelum pindahan)	711,353,000.00	769,372,000.00	735,371,900.41	95.58
PINDAHAN LEBIHAN HASIL KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	100,000,000.00	100,000,000.00	100,000,000.00	
PERBELANJAAN MENGURUS (selepas pindahan)	811,353,000.00	869,372,000.00	835,371,900.41	96.09

Perbezaan ketara di antara anggaran asal dengan anggaran dipinda dan di antara anggaran dipinda dengan perbelanjaan sebenar diterangkan di Laporan Pegawai Kewangan Negeri. Maklumat terperinci perbelanjaan mengurus dapat dirujuk di Lampiran 1 - Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2011.

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran balik pinjaman di bawah kuasa undang-undang Persekutuan.

Mulai tahun kewangan 2010, pinjaman telah diklasifikasi sebagai Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri selaras dengan Para 1.10. *Cash Basis* IPSAS. Pinjaman terdiri daripada Pinjaman Dalam Negeri, Pinjaman Luar Negeri dan Pinjaman bagi membiayai Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan. Instrumen Pinjaman Dalam Negeri adalah Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Sukuk. Bantuan Luar Negeri terdiri daripada pinjaman Bilateral dan Multilateral.

Bayaran pokok dan faedah hutang negeri tidak diakaun di Akaun Pinjaman Disatukan sebaliknya dikenakan kepada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan T05 berjumlah RM37,018,812.72 iaitu RM27,996,688.86(p) dan RM9,022,123.86(f) seperti di Nota 5(b).

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

Perihal	2011 (Debit)/Kredit RM	2010 (Debit)/Kredit RM
PINJAMAN		
Dalam Negeri		
Baki pada 1 Januari	-	-
Terimaan	-	14,606,490.00
Bayaran	-	14,606,490.00
Baki pada 31 Disember	-	-
JUMLAH PINJAMAN PADA 31 DISEMBER	-	-
PINDAHAN	-	-
BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	-	-

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<i>Baki pada 01.01.2011 (Debit)/Kredit RM</i>	<i>Debit RM</i>	<i>Kredit RM</i>	<i>Baki pada 31.12.2011 (Debit)/Kredit RM</i>
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN				
Kumpulan Wang Pembangunan	(96,240,454.89)	255,198,782.84	179,593,604.36	(171,845,633.37)
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan				
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	242,334,852.18	4,184,060,191.28	4,189,107,180.91	247,381,841.81
<i>Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	146,094,397.29	4,439,258,974.12	4,368,700,785.27	75,536,208.44
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM				
Kumpulan Wang Amanah Khas				
Kumpulan Wang Amanah Awam	461,125,701.44	542,805,260.52	590,134,663.51	508,455,104.43
<i>Jumlah Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	461,125,701.44	542,805,260.52	590,134,663.51	508,455,104.43
AKAUN DEPOSIT				
Deposit Am	224,198,593.04	69,614,229.44	31,217,429.84	185,801,793.44
Deposit Pelarasan	84,964.28	84,964.28	0.00	-
<i>Jumlah Akaun Deposit</i>	224,283,557.32	69,699,193.72	31,217,429.84	185,801,793.44
JUMLAH AKAUN AMANAH DISATUKAN	831,503,656.05	5,051,763,428.36	4,990,052,878.62	769,793,106.31

(a) **Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengaakaun terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

- (i) Kumpulan Wang Pembangunan mengaakaun terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada pindahan dari Akaun Hasil Disatukan, pinjaman yang diambil bagi maksud pembangunan dan terimaan bayaran balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulan wang ini.

Bayaran kumpulan wang ini adalah perbelanjaan pembangunan secara langsung atau pinjaman.

Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2011	2010
	<i>(Debit)/Kredit</i>	<i>(Debit)/Kredit</i>
	RM	RM
BAKI PADA 1 JANUARI	(96,240,454.89)	687.44
TERIMAAN		
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan	100,000,000.00	100,000,000.00
Pindahan Dari Akaun Amanah Disatukan	55,287,531.98	37,554,371.09
Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup	18,779,000.00	18,779,000.00
Pemberian Pertumbuhan Hasil bahagian II	480,326.00	
Terimaan Balik Pinjaman	-	-
Jualan Aset Modal	4,861,075.38	6,117,342.81
Pelbagai Terimaan	185,671.00	147,500.00
Pelarasan	-	-
<i>Jumlah Terimaan</i>	179,593,604.36	162,598,213.90
BAYARAN		
Perbelanjaan Pembangunan		
Langsung	(255,198,782.84)	(258,839,356.23)
Pinjaman		
<i>Jumlah Bayaran</i>	(255,198,782.84)	(258,839,356.23)
<i>Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun</i>	(75,605,178.48)	(96,241,142.33)
BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN PADA 31 DISEMBER	(171,845,633.37)	(96,240,454.89)

Maklumat terperinci perbelanjaan pembangunan dapat dirujuk di Lampiran 2 - Penyata Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011.

- (ii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuh di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud tertentu. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah caruman daripada Kerajaan. Sebahagian dari kumpulan wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bagi bayaran langsung.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2011 (Debit)/Kredit RM	2010 (Debit)/Kredit RM
AKAUN PENYELESAIAN		
Akaun Semasa Antara Pentadbiran	-	-
Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan	163,266,975.21	151,414,681.53
Akaun Penyelesaian Jabatan Mengakaun Sendiri	-	-
<i>Jumlah Akaun Penyelesaian</i>	163,266,975.21	151,414,681.53
AKAUN PERNIAGAAN		
Stor dan Woksyop Belum Diuntukkan	874,214.41	873,474.48
<i>Jumlah Akaun Perniagaan</i>	874,214.41	873,474.48
AKAUN PINJAMAN		
Pinjaman Perumahan Negeri	28,352,262.64	19,392,127.10
Pinjaman kenderaan kakitangan	5,919,283.51	5,730,326.42
Pendahuluan kenderaan Adun	600,839.44	601,067.38
Pendahuluan	2,881,147.66	2,998,415.01
Pembiayaan Komputer Anggota Perkhidmatan Awam	1,468,028.23	1,417,743.67
Pinjaman Diraja	100,000.00	100,000.00
Pinjaman Kepada Badan Berkanun dan Badan Lain	3,025,728.83	17,367,501.66
Kumpulanwang Pusingan Bumiputra	25,450,197.74	30,218,887.61
	-	-
	-	-
<i>Jumlah Akaun Pinjaman</i>	67,797,488.05	77,826,068.85
KUMPULAN WANG LUAR JANGKA		
Kumpulan Wang Luar Jangka	500,000.00	500,000.00
<i>Jumlah Kumpulan Wang Luar Jangka</i>	500,000.00	500,000.00
PELBAGAI KUMPULAN WANG		
Kumpulanwang Pusingan Rancangan Rumah Awam Kos Rendah	14,943,164.14	11,720,627.32
<i>Jumlah Pelbagai Kumpulan Wang</i>	14,943,164.14	11,720,627.32
JUMLAH PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	247,381,841.81	242,334,852.18

(b) Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam mengaakau terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Amanah Khas yang diwujudkan di bawah aktanya sendiri dan Amanah Am yang diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada badan-badan atau orang perseorangan untuk tujuan tertentu.

Kumpulan Wang Amanah Awam yang matan bagi setiap Kumpulan Wang Amanah Awam pada 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2011 RM	2010 RM
AMANA KHAS		
Kumpulanwang Amanah Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri	446,582,951.22	383,963,117.05
Akaun Amanah Pembangunan Hutan	1,394,320.55	1,294,852.53
Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Maaris	16,606,467.70	16,269,811.51
<i>Jumlah Amanah Khas</i>	464,583,739.47	401,527,781.09
AMANA AM		
Akaun Amanah Tabung Bantuan Bencana	4,113,282.21	4,028,282.21
Akaun Amanah Yuran Pengendalian Peperiksaan	137,859.62	111,401.62
Akaun Amanah Pusingan Perumahan Negeri Johor	184,604.04	180,574.99
Akaun Amanah Bayaran Perunding UPEN	285,269.40	290,001.40
Akaun Amanah Hari Kebangsaan	368,012.80	368,012.80
Akaun Amanah Pembelian RAKR Caruman KWSP	2,861,991.75	2,861,991.75
Akaun Amanah Utk Kerja Yang Dijalankan Oleh JKR Bagi Pihak Swasta	509,341.53	3,119,078.96
Akaun Amanah Muzium Diraja Abu Bakar, Istana Besar Johor	170,594.47	168,231.49
Akaun Amanah Bagi Operasi Menyelamat Hidupan Liar Yang Terperangkap	29,905.50	37,831.32
Akaun Amanah Bg Kerja-kerja Utk Pemborong Dan Pihak Swasta	1,788,314.37	1,997,314.37
Akaun Amanah Jabatan Pelancongan Negeri Johor	298,707.92	237,407.92
Akaun Amanah Bayaran Pampasan Bagi PBT laluan Kedua	9,193,232.09	9,193,232.09
Akaun Amanah Majlis Keselamatan Negeri Johor	17,886.57	17,886.57
Akaun Amanah kebajikan dan Keraian Kursus	97,767.85	163,917.91
Akaun Amanah Bayaran Sumbangan Kuota Bumiputra	1,538,144.52	1,538,144.52
Akaun Amanah Penswastaaan Bekalan Air Negeri Johor	96,823.87	96,823.87
Akaun Amanah PBT Bekalan Air	201,607.00	-
Akaun Amanah Pemasaran Pertanian	34,147.33	25,065.33
Akaun Amanah Bagi Geran Infrastruktur PAKR N Johor	-	3,222,536.82
Akaun Amanah Kerja Menyelamat Balai Zahrah	250,000.00	250,000.00
Akaun Amanah Kajian Projek Penyelidik Di Bawah Satelit Bioteknologi	29,048.41	29,048.41
Akaun Amanah Program Latihan Khidmat Negara	175,450.71	175,450.71
Akaun Amanah Pengurusan SPEKS	646,271.53	472,477.72
Akaun Amanah Elaun Ketua Kampung	3,248,540.16	641,409.86
Akaun Amanah Puspatri	11,178.00	4,760,086.00
Akaun Amanah Pusingan Pulangan Tunai Perumahan Rakyat	804,441.36	804,441.36
Akaun Amanah Kebajikan dan Keraian PPNJ	101,307.24	137,074.56
Akaun Amanah Meningkatkan Taraf Hidup dan Membasmi Kemiskinan	694,679.10	697,529.10
Akaun Amanah Pembangunan Pusat Pentadbiran Baru Nusajaya	485,236.94	485,236.94
Akaun Amanah Tabung Bantuan Bencana Tsunami	184,210.97	184,210.97
Akaun Amanah Projek Pembinaan Pangsapuri Kos Rendah Plentong	-	16,403,333.98
Akaun Amanah Stadium Hoki Taman Daya	-	323,297.58
Akaun Amanah Sek Agama Taman Kota Masai	58,745.00	203,949.86
Akaun Amanah Program Kejiranan Lestari	475,937.05	2,350,444.81
Akaun Amanah Pembinaan Dewan Serbaguna Tmn Desajaya	388,306.00	388,306.00
Akaun Amanah Pusat Permata Negara	1,425,230.04	2,000,000.00
Akaun Amanah Pembangunan Prasarana Tg. Langsat	514,900.04	-
Akaun Amanah Sokongan Keluarga	300,000.00	-
Akaun Amanah Banci Penduduk	1,111,338.87	1,632,680.55
Akaun Amanah Pengurusan dan Operasi PAIM Inc.	1,000,000.00	-
Akaun Amanah Pembiayaan ,Merekabentuk, Membina dan Menyiapkan 121 Sek Agama	10,000,000.00	-
Akaun Amanah Program KEPAK	39,050.70	-
<i>Pelbagai Amanah Am</i>		1,206.00
<i>Jumlah Amanah Am</i>	43,871,364.96	59,597,920.35
JUMLAH KUMPULAN WANG AMANA AWAM	508,455,104.43	461,125,701.44

(c) **Akaun Deposit**

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang diguna sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

Akaun Deposit bagi setiap kategori Deposit pada 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2011 (Debit)/Kredit RM	2010 (Debit)/Kredit RM
DEPOSIT AM		
Deposit Am Jabatan Negeri	14,111,290.60	13,925,598.50
Deposit Tender	149,568.10	478,348.10
Deposit Cagaran	667,821.12	409,545.50
Deposit Cagaran Kantin	141,664.40	132,228.40
Deposit Cagaran Sewa Bangunan	3,660.00	3,660.00
Deposit Wang Jaminan Perlaksanaan	28,825,297.05	25,308,153.36
Deposit Hiburan	6,346,619.14	5,505,619.14
Deposit Sewa Rumah	1,273,125.87	1,209,981.87
Deposit Cagaran Bekalan Air	11,300.00	-
Deposit Wang Gantirugi (LAD)	1,485,489.98	1,454,568.68
Deposit Saguhati dan Bayaran Perpindahan	2,301,131.35	2,300,231.35
Deposit Tanah	125,060,490.63	168,117,508.88
Deposit Pajak Gadai	2,400.00	14,100.00
Deposit Bon Jaminan Mahkamah Syariah	3,780,744.00	3,851,679.06
Deposit Sistem Kultur Laut	1,507,541.20	1,345,420.20
Deposit Simpanan Utk Kelong	116,000.00	124,000.00
Deposit Perusahaan Pukat Tunda	17,650.00	17,650.00
Deposit Calun Pilihanraya	-	300.00
Pelbagai Deposit Am	-	-
<i>Jumlah Deposit Am</i>	185,801,793.44	224,198,593.04
DEPOSIT PELARASAN		
Deposit Pelarasan Cek Terbatal	-	-
Terimaan Yang Tidak Diperuntukkan	-	-
Pembatalan Bayaran EFT	-	-
Pelbagai Deposit Pelarasan	-	84,964.28
<i>Jumlah Deposit Pelarasan</i>	-	84,964.28
JUMLAH AKAUN DEPOSIT	185,801,793.44	224,283,557.32

8. MEMORANDUM ASET

Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan kerajaan iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan, tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Negeri dan disalurkan kepada agensi kerajaan.

Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<i>Baki Belum Selesai pada</i>	
	<i>2011</i>	<i>2010</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>
Pinjaman Boleh Tuntut		
Pihak Berkuasa Tempatan	5,154,078.38	5,254,758.12
Perbadanan Johor	89,020,873.03	92,383,696.80
Syarikat Air Johor Sdn. Bhd	334,514,923.90	730,564,805.59
Johor Special Water	-	436,000,000.00
JUMLAH PINJAMAN BOLEH DITUNTUT	428,689,875.31	1,264,203,260.51

Maklumat terperinci Pinjaman Boleh Dituntut dapat dirujuk di Lampiran 3 - Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2011.

(b) Pelaburan

Pelaburan adalah pegangan ekuiti dalam syarikat, badan berkanun dan agensi antarabangsa.

Pelaburan pada 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<i>Nilai Buku</i>	
	<i>2011</i>	<i>2010</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>
Syarikat	100,000,000.00	100,000,000.00
Anak Syarikat Kerajaan	2,000,000.00	2,000,000.00
Badan Berkanun	348,750,053.00	319,509,083.14
JUMLAH PELABURAN	450,750,053.00	421,509,083.14

Maklumat terperinci Pelaburan dapat dirujuk di Lampiran 4 - Penyata Akaun Memorandum Pelaburan pada 31 Disember 2011.

(c) Akaun Belum Terima

Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2011 berjumlah RM160,814,907.25 berdasarkan rekod jabatan dilaporkan sebagai maklumat tambahan.

Maklumat terperinci Akaun Belum Terima dapat dirujuk di Lampiran 5 - Penyata Akaun Memorandum Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2011.

9. MEMORANDUM LIABILITI

Memorandum Liabiliti menunjukkan sebahagian liabiliti kerajaan iaitu Hutang Awam dan Pelbagai Liabiliti yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) Hutang Kerajaan Negeri

Mulai tahun kewangan 2010, Hutang Kerajaan Negeri diklasifikasi sebagai Pinjaman selaras dengan Para 1.10. *Cash Basis* IPSAS.

Hutang Awam pada 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2011	2010
	RM	RM
PINJAMAN		
Projek Rumah Awam Kos Rendah	33,034,794.17	54,261,326.36
Projek Bekalan Air	334,514,923.90	1,208,224,055.23
Perbadanan Johor	84,042,202.60	84,042,202.60
Pinjaman-pinjaman Lain	31,111,768.46	33,464,995.92
<i>Jumlah Pinjaman</i>	482,703,689.13	1,379,992,580.11
JUMLAH PINJAMAN KERAJAAN NEGERI	482,703,689.13	1,379,992,580.11

Maklumat terperinci Pinjaman Kerajaan Negeri dapat dirujuk di Lampiran 6 - Penyata Akaun Memorandum Liabiliti pada 31 Disember 2011.



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2012
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773
JD004874



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

No. 15, Aras 1-5 • Persiaran Perdana, Presint 2 • 62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my